

Jilid I
Bil. 24



Hari Jumaat
7hb November, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3217]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987 [Ruangan 3245]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1987 [Ruangan 3245]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan POS, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULIAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.L.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timblana Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHPON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Beiaa dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N. P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUI, KADIR (Kuantan).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (PadangTerap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAIJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.I., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ Tuan Kadoh Agundong (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjong Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

Yang Berhormat TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).

TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).

TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).

TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).

TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).

TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).

TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).

TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).

TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).

DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).

TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- " TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- " DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- " TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- " DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- " TUANNURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU. P.N.B.S.. P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- " DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- " DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- " TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- " PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, " S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- " TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- " TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S (Hulu Selangor).
- " DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- " TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- " TUANTANKOK WAI (Sungai Besi).
- " TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- " TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SHNG SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

" TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

" TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

„ PUAN ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

" DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHAKI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

" DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 7hb November, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan. Tidak hadir.

(Soalan No. 1 Y.B. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah. Tidak hadir.

(Soalan No. 2 Y. B. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah tidak hadir)

**KEMALANGAN DI
LINTASAN KERETAPI**

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan kemalangan di lintasan keretapi sejak tahun 1980 dan bilangan nyawa yang terkorban. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menentukan keselamatan di semua lintasan keretapi awam dan persendirian dan juga menyedarkan orang ramai akan aspek keselamatan bila menggunakan lintasan-lintasan ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya

menjawab bagi pihak Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan kemalangan lintasan rata awam bergate/berpalang sejak tahun 1980 hingga September, 1986 berjumlah 395 kes dan melibatkan 26 bilangan kematian. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Kemalangan</i>	<i>Bilangan Kematian</i>
1980	74	—
1981	56	18
1982	43	—
1983	44	2
1984	61	—
1985	62	—
1986 (sehingga September)	55	6
Jumlah ..	395	26

Langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

(a) Langkah-langkah Fizikal

(i) pemasangan isyarat-isyarat jalan raya, lampu amaran untuk menarik perhatian pengguna jalan raya dan Penjaga Get;

(ii) pemasangan loceng landasan atau, dengan izin, track bell dan alat komunikasi bagi menarik perhatian Penjaga Get tentang keadaan tren;

- (iii) melengkapkan get-get dengan alat kunci kait bagi keselamatan;
- (iv) menegaskan kepada pemilik lintasanrata suwa untuk memenuhi syarat-syarat keselamatan sepertimana termaktub di dalam perjanjian indemniti penggunaan lintasanrata;
- (v) meminda Ordinan Keretapi supaya denda yang lebih berat dikenakan kepada mereka yang menyalahgunakan lintasanrata.

(b) *Langkah-langkah Kesedaran*

- (i) Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum punca utama kemalangan lebih banyak terletak di tangan pengguna. Bagaimanapun segala langkah-langkah keselamatan adalah mencukupi untuk memastikan lintasanrata digunakan dengan selamat. Namun, segala langkah ini tidak akan membawa kesan selagi pengguna lintasanrata atau pemilik-pemilik lintasanrata suwa enggan mematuhi syarat-syarat keselamatan yang telah ditetapkan;
- (ii) Adalah diharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat akan juga menasihatkan orang awam supaya mematuhi semua peraturan-peraturan keselamatan yang ditetapkan oleh Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu dan isyarat jalan raya dan tidak mencero boh dan menyalahgunakan lintasanrata di seluruh rangkaian KTM.

Dengan cara ini kita mengharapkan setiap kemalangan-kemalangan akan dapat dielakkan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan beberapa tempat lintasan keretapi itu dapat mempunyai isyarat-isyarat amaran yang cukup, sebab satu kemalangan telah berlaku baru-baru ini di Ipoh oleh kerana isyarat amaran itu tidak dapat dilihat tetapi cuma boleh didengar sahaja sama ada keretapi sampai atau tidak. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan mengatakan berapa lagikah tempat yang isyarat amaran ini belum dapat disempurnakan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu merupakan perkara yang, dengan izin, "specific", saya mohon, kalau boleh, soalan itu dibuat secara bersurat dan boleh saya jawab, ataupun saya minta notis.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah mendengar banyak langkah-langkah diambil oleh pihak RTM. . . . oh, KTM (*Ketawa*) tetapi Timbalan Menteri berkenaan tidak sebut, dengan izin, human factor yang mengakibatkan kemalangan, bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu berapa kemalangan keretapi melibatkan pemandu enjin yang mabuk apabila menjalankan tugasnya?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya walaupun KTM ini tidak berada di bawah Kementerian saya, tidak ada kemalangan yang berlaku yang melibatkan pemandu tren yang mabuk. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu tahu mana-mana keadaan di mana pemandunya mabuk semasa

kemalangan berlaku dimintalah supaya melaporkan sama ada kepada pihak Kementerian ataupun kepada Keretapi Tanah Melayu sendiri.

PENDATANG HARAM— PERBELANJAAN

4. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar Kerajaan Persekutuan memberi perbelanjaan pendahuluan kepada pendatang-pendatang haram yang ditempatkan di Malaysia sementara menunggu kewangan daripada UNHCR.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan tidak sekali-kali memberi atau mengeluarkan perbelanjaan pendahuluan kepada mana-mana pendatang-pendatang haram yang menyeludup masuk ke Malaysia Kerajaan Malaysia juga tidak memberi perbelanjaan pendahuluan kepada mana-mana pelarian yang masuk ke negara ini. Bagi pelarian yang datang dari Vietnam, perbelanjaan adalah dibiayai oleh Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu bagi Orang-orang Pelarian atau, dengan izin, United Nations High Commission for Refugees.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, berapakah perbelanjaan yang disediakan oleh pihak Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan dengan orang-orang pelarian yang dibuat di Malaysia untuk orang-orang pelarian Vietnam dan apakah jenis-jenis perbelanjaan yang dibiayai oleh pihak, dengan izin, UNHCR dan sama ada perbelanjaan ini dibuat di dalam negeri untuk mendapatkan sedikit pertukaran wang asing ataupun perbelanjaan ini digunakan untuk membeli barang-barang dari luar negeri dan yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, adakah perbelanjaan ini

melibatkan peruntukan-peruntukan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia yang bertanggungjawab kepada pelarian-pelarian Vietnam ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama, saya minta notis, kerana saya tidak mempunyai angka-angka tentang peruntukan tersebut.

Soalan yang kedua, segala perbelanjaan ke atas pendatang haram Vietnam yang melibatkan ialah kebajikan, kesihatan, pelajaran, makanan, pakaian dan sebagainya adalah ditanggung oleh UNHCR.

Soalan yang ketiga, pihak UNHCR melantik Bulan Sabit Merah Malaysia sebagai wakilnya untuk mengendalikan hal-hal tersebut. Kerajaan Pusat atau Negeri tidak mengeluarkan perbelanjaan ke atas kebajikan pendatang-pendatang haram tersebut.

Tuan Gerard Math Lee Min: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sama ada dia sedar bahawa UNHCR akan menghentikan kegiatan-kegiatan atau operasi di Sabah pada hujung tahun ini. Kalau begitu, di manakah Kerajaan akan menerima bantuan kewangan untuk pelarian-pelarian Filipina atau akan mengeluarkan wang sendiri.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya tidak sedar. Dengan sebab itu masalah-masalah yang dinyatakan itu tidak mungkin timbul.

LAPANGAN TERBANG BANDAR SRI AMAN

5. Tuan Andrew Janggi Muiyang minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk menggunakan semula

Lapangan Terbang di Bandar Sri Aman, Sarawak. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali; Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat penerbangan-penerbangan ke Lapangan Terbang di Bandar Sri Aman sudah diadakan oleh Hornbill Skyways dan Tentera Udara Di-Raja Malaysia. Bagaimanapun, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) tidak mempunyai perkhidmatan ke bandar Sri Aman oleh kerana tiada berapa permintaan trafik penumpang yang mencukupi. Bagaimanapun Kementerian Pengangkutan dan MAS akan menjalankan satu kajian untuk mengesan permintaan perkhidmatan udara ke Bandar Sri Aman.

PENGECUALIAN CUKAI ATAS PENDAPATAN LUAR NEGERI

6. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada jumlah wang yang balik dari luar negeri sehingga sekarang berikutan pengecualian cukai dan pengampunan tahun lalu (tax exemption and amnesty) telah mencapai matlamat yang ditetapkan oleh Kerajaan; jika tidak, apakah sebabnya; dan jumlah wang yang diharapkan boleh diperolehi dan jumlah wang yang diperolehi.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik); Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini sehingga sekarang Kementerian Kewangan tidak menerima apa-apa maklumat mengenai jumlah wang yang dibawa balik akibat daripada pengecualian cukai sebanyak 50% ke atas komisyen yang diterima sebelum tahun taksiran 1986 dan pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan luar

negeri yang dibawa masuk ke negara ini di antara 25hb Oktober, 1985 hingga 31hb Disember, 1986. Memandangkan pendapatan luar negeri yang dibawa masuk ke Malaysia dalam tahun 1986 akan hanya dimaklumkan dalam tahun taksiran 1987, maka adalah agak awal untuk dibuat penilaian mengenai kekesan langkah ini.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan sekiranya pengutipan wang tersebut tidak memuaskan, adakah Kerajaan bercadang untuk melanjutkan, dengan izin, tax exemption and amnesty ini?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, soalan lanjut tidak lanjut tidak timbul, sebab kalau apabila kita tidak lanjutkan, kita akan kansel. Soalannya sekarang biar sahajalah macam itu. Kalau ada orang buat duit, kita tidak cukai, begitu sahajalah.

JEMAAH HAJI YANG TERKANDAS

7. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah Jemaah Haji yang terkandas (tidak dapat pergi menunaikan Haji pada tahun hijrah 1406) akibat berurusan dengan syarikat swasta (bukan LUTH). Apakah sebab-sebab utama berlakunya kejadian seperti itu dan syarikat manakah yang terlibat, dan apakah langkah Kerajaan untuk menghindarkan kejadian seperti itu berulang lagi. Nyatakan berapa pula jumlahnya yang dihantar pulang ke Malaysia kerana sebab-sebab yang sama.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini telah pun saya jawab bersama-sama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Pendang dan Ahli Yang Berhormat

bagi Balik Pulau pada 29hb Oktober, 1986 yang lalu. Saya tidak ada apa-apa perkara yang hendak ditambah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(Soalan No. 8 Y. B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir)

UNIT PENGUATKUASA JPJ, SABAH

9. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah Sabah dijangka akan diberi Unit Penguatkuasa (seperti Pegawai Kuasa) dalam Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mengawal penggunaan permit dan lesen secara haram.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Pengangkutan.

Kementerian Pengangkutan memang bercadang untuk mewujudkan Unit Penguatkuasaan di Jabatan Pengangkutan Jalan Sabah. Walau bagaimanapun, unit tersebut tidak dapat diwujudkan pada masa ini kerana kemerosotan ekonomi negara di mana pengwujudan jawatan baru dan pengisian jawatan telah dibekukan. Unit Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan Sabah akan diwujudkan apabila keadaan ekonomi negara mengizinkan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, buat masa kini Jabatan Polis Sabah adalah bertanggungjawab menguatkuasakan peraturan lalulintas di negeri Sabah.

GAJI BULANAN PEKERJA ESTET

10. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kerajaan bersetuju pekerja-pekerja

estet patut diberi gaji bulanan daripada gaji harian, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed); Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini adalah hampir sama maksudnya dengan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh yang telah dijawab dalam Dewan yang mulia ini pada 31hb Oktober, 1986. Dengan demikian, saya tidak ingin menambah kepada jawapan yang telah diberikan tersebut.

MEMORANDUM KEBUDAYAAN BADAN TIONGHUA

11. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementeriannya pernah mengkaji dengan telitinya tentang memorandum Kebudayaan yang dikemukakan oleh 15 buah Badan Tionghua. Dan berapa cadangan di dalam memorandum itu diterima atau tidak diterima langsung.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Wang Choon Wing): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengkaji serta meneliti ke semua memorandum yang dikemukakan kepada Kementerian dan didapati ada cadangan-cadangan yang sememangnya sudah pun dilaksanakan oleh Kerajaan. Misalnya Kerajaan telah melalui Jabatan Muzium dan Arkib Negara telah mengumpulkan dokumen-dokumen dan benda-benda yang bersejarah dari berbilang kaum dan Balai Seni Lukis Negara telah mengumpulkan hasil karya seni yang bermutu dari seniman semua kaum untuk dipamerkan. Kerajaan juga telah memelihara tempat dan bangunan bersejarah dari semua kaum. Penggalakkan, penglibatan masyarakat berbagai kaum dalam aktiviti-aktiviti kebudayaan juga digalakkan.

Beberapa pandangan dalam memorandum itu yang menuduh Kerajaan mengamalkan falsafah kebudayaan yang sempit yang hanya tertumpu kepada kaum Melayu adalah tidak benar dan tidak dapat diterima oleh Kerajaan. Kecaman yang mengatakan Kerajaan menggunakan kuasa pentadbiran untuk memaksakan asimilasi itu adalah tidak benar dan tidak dapat diterima oleh Kerajaan.

Sebenarnya apa yang patut kita lakukan sekarang ialah bersama-sama berusaha menonjolkan titik-titik persamaan dalam kebudayaan berbilang kaum dan jangan hanya membesar-besarkan perbezaan di antara kita.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan di Dewan yang mulia ini sama ada beberapa cadangan-cadangan daripada organisasi kebudayaan Cina telah ditolak dan dari apa seginya cadangan itu telah ditolak dan adakah sebab-sebab telah diberi kepada penolakan itu.

Tuan Wang Choon Wing: Tuan Yang di-Pertua, seperti jawapan yang saya berikan tadi itu, beberapa pandangan yang menuduh Kerajaan mengamalkan falsafah asimilasi dan lain-lain itu tidak dapat diterima. Itu sahaja terima kasih.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Oleh kerana Dasar Kebudayaan Nasional pada masa sekarang tidak diterima oleh kebanyakan masyarakat orang Tionghua, saya ingat termasuk MCA dan GERAKAN. Oleh kerana itu sama ada Kerajaan bercadang supaya dasar ini dikaji semula dan kalau sekiranya tidak, mengapa?

Tuan Wang Choon Wing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan itu nampaknya terkeluar dari tajuk.

ENAKMEN KEDIAMAN TERHAD

12. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan mengkaji semula Ordinan Penghuni Terhad (PRO) termasuk kemungkinan pembatalan PRO, mengikuti komen daripada Hakim Datuk Harun Hashim ialah PRO sekarang sudah ketinggalan zaman, sewaktu disampaikan di muka pengadilan dalam kes PRO pada bulan Mei, 1986.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, mungkin undang-undang yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan ialah Enakmen Kediaman Terhad Bab 39 (RR) kerana tidak ada Ordinan Penghuni Terhad (PRO) seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Berhubung dengan keputusan Yang Arif Hakim Datuk Harun Hashim itu, sukalah dimaklumkan di sini bawa pihak Peguam Negara telah pun membuat rayuan kepada Mahkamah Agung dan kes tersebut masih ditangguhkan. Oleh yang demikian, buat masa ini saya tidak bercadang membuat sebarang komen mengenai perlaksanaan undang-undang tersebut.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

13. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Menteri Pelajaran akan mengambil inisiatif untuk meminda Akta 1971 bagi maktab dan universiti bagi membuat persediaan untuk sektor swasta menubuhkan universiti swasta di dalam negeri, ini memandangkan masalah yang kian bertambah dihadapi oleh penuntut kita di seberang laut seperti kenaikan yuran sekolah dan pengeksploitasi oleh penipu daya

pelajaran yang tidak berperikemanusiaan di seberang laut. Jika tidak, mengapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sedang membuat kajian secara menyeluruh ke atas Akta Pelajaran Kebangsaan. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 juga akan diambilkira dalam kajian tersebut. Pindaan Akta ini tidak melibatkan penubuhan Universiti Swasta.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengapakah Kementeriannya memberikan sebab alasan mengapa Kementeriannya tidak mahu meminda Akta tersebut supaya sebuah universiti swasta boleh ditubuhkan.

Adakah matawang asing yang keluar dari negara kita untuk membayar yuran-yuran sekolah dan pengajian tinggi memerlukan bahawa kalau sebuah universiti swasta tidak didirikan sekurang-kurangnya sebuah universiti didirikan oleh Kerajaan.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat ini apa yang dikaji semula ialah Akta Pelajaran Kebangsaan dan di dalam kajian ini melibatkan Akta Universiti dan Kolej Universiti sahaja. Soal sama ada ia melibatkan universiti swasta ataupun tidak, sebenarnya tidak termasuk dalam persoalan ini.

PRODUK PETROLEUM— PENGURUNGAN HARGA

14. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan harga jualan berbagai jenis produk-produk

petroleum dari tahun 198U hingga 30-9-1986 dan sama ada pengurusan harga produk-produk petroleum ini dinikmati oleh para pengguna dan setakat manakah pengurangan harga minyak mentah menjejaskan ekonomi kita.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, perubahan harga runcit produk-produk petroleum bagi tempoh 1980 hingga September 1986 seperti yang dipinta oleh Ahli Yang Berhormat adalah banyak dan oleh yang demikian, saya mohon izin untuk memberi jawapan bertulis mengenai perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, itu dari segi harga.

Berkenaan dengan penurunan atau pengurangan harga produk-produk petroleum ini telah pun dinikmati oleh para pengguna dan ini jelas sekiranya perbandingan harga runcit dibuat sebelum kejatuhan harga minyak mentah dunia dengan harga sekarang.

Saya berikan contoh, Tuan Yang di-Pertua:

	1-11-85	1-9-86
Petroleum Premium	\$ 111 seliter	\$ 0 94 seliter
Petrol Regular	\$ 103 ..	\$ 0.85
Diesel	\$58.04 ..	\$45 07
Minyak Tanah	\$63.07 ..	\$52 05
LPG	\$132skg	\$114skg

Tuan Yang di-Pertua, minyak mentah merupakan bahagian dua soalan yang dikemukakan.

Sukalah saya memaklumkan bahawa iaitu minyak mentah merupakan sumber pendapatan utama kepada ekonomi negara. Pada tahun 1985 pendapatan eksport daripada minyak mentah adalah bernilai \$8,697 juta atau 23% daripada jumlah keseluruhan pendapatan eksport negara pada tahun tersebut. Oleh yang demikian, pengurangan harga minyak mentah ini

telah menjejaskan ekonomi negara menerusi pengurangan dalam pungutan hasil eksport Kerajaan dan seterusnya imbangan pembayaran negara.

Pada 7 bulan pertama tahun ini Kerajaan hanya memperolehi sejumlah \$3,351.9 juta dari eksport minyak mentah berbanding dengan \$4,933.3 juta yang diperolehi pada tempoh yang sama tahun lepas. Pengurangan pendapatan minyak dari minyak mentah ini serta kesan kejatuhan harga lain-lain barangan utama telah memburukkan lagi keadaan dalam tahun ini. Pada keseluruhannya tahun ini pendapatan dari eksport minyak dijangka berjumlah hanya \$5,457 juta berbanding dengan \$8,697 juta pada tahun 1985. Ini melibatkan pengurangan sebanyak 37.3%. Pendapatan eksport minyak mentah yang merosot akan mengurangkan jumlah eksport dagangan negara kepada \$33,338 juta dalam tahun 1986 berbanding dengan \$37,585 pada tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan di dalam pendapatan eksport negara mempunyai kesan yang kurang memuaskan, di atas kutipan hasil Kerajaan Persekutuan. Pungutan hasil Kerajaan Persekutuan dari Duti Eksport Royalti, Dividen dan cukai pendapatan petroleum dianggarkan mengalami kemerosotan sebanyak 12.9% kepada \$5,501 juta pada tahun 1986, berbanding dengan pungutan yang berjumlah \$6,318 juta pada tahun 1985. Pungutan-pungutan ini merupakan 28.7% daripada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan berbanding dengan 29.9% pada tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua: Yang pertama itu tidak bersangkutan. Yang kedua, sila jawab.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Saya ingat yang kedua itu yang tidak

bersangkut, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama boleh, (*Ketawa*) sebab soalan yang kedua ini hendak dibandingkan sama ada Petronas ataupun Syarikat Petroleum dapat lebih daripada kiosk, ini susah hendak kira kalau di Dewan ini sekarang, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak juga terpaksalah tulis kepada saya.

PENDIDIKAN MORAL DALAM KBSR

15. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa pelajar-pelajar yang bukan beragama Islam tidak diberi pendidikan moral atau pendidikan agama bukan Islam di sekolah-sekolah menengah dan nyatakan jika Kementerian ini akan memperkenalkan pendidikan moral atau pendidikan agama bukan Islam untuk pelajar-pelajar bukan Islam mengikut kepercayaan atau agama mereka, jika tidak, beri sebab-sebabnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul AJib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini juga bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, Pendidikan Moral adalah merupakan matapelajaran baru dalam KBSR dan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat hingga ke sekolah menengah dalam KBSM. Pada masa ini matapelajaran Pendidikan Moral diajar di sekolah-sekolah rendah dari Darjah 1 hingga Darjah 4 di sekolah-sekolah perlaksanaan dan di Darjah 5 di sekolah-sekolah percubaan. Di sekolah menengah, Pendidikan Moral akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai dari Tingkatan I pada tahun 1988 iaitu apabila KBSM dilaksanakan sepenuhnya. Pendidikan Moral ini merupakan matapelajaran wajib dan

akan diajar kepada semua murid-murid yang bukan beragama Islam. Walau bagaimanapun, masa ini nilai moral ada diajar di sekolah-sekolah menengah melalui matapelajaran Siviks.

AHLI PARLIMEN/NEGERI— MENGOSONGKAN KERUSI

16. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk memperkenalkan satu Rang Undang-undang yang menghendaki seorang Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri mengosongkan kerusinya apabila ia menyertai parti lain atau dipecat oleh partinya supaya dapat meningkatkan imej Parlimen dalam kacamata orang ramai.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan undang-undang yang dikehendaki seorang Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Negeri mengosongkan kerusinya apabila ia menyertai parti lain atau dipecat oleh partinya.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kenapa tidak bercadang begitu?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak payahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak payah (*Ketawa*).

Datu Abdul Hamid bin Tun Datu Haji Mustapha: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada di antara negeri-negeri dalam Malaysia yang sudah mengamalkan undang-undang

yang dipersoalkan ini yang mana, dengan izin, inconsistent dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mahupun inconsistent dengan Perlembagaan Malaysia. Apakah langkah-langkah untuk memperbaiki inconsistency ini?

Tuan Yang di-Pertua: Setahu saya tidak ada undang-undang itu, macam mana adanya inconsistency?

Datu Abdul Hamid bin Tun Datu Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, ini baru sahaja diluluskan di Dewan Undangan Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soal Sabah, bukan soal kita di sini.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan beliau tidak bercadang untuk memperkenalkan satu Rang Undang-undang yang menghendaki seorang Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Negeri mengosongkan kerusinya apabila dia menjadi ahli parti lain ataupun dipecat daripada partinya. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau bercadang pula hendak memperkenalkan satu undang-undang supaya tidak membenarkan seseorang itu berpindah bertanding ke negeri-negeri lain mengikut sesuka hati ataupun mengikut keadaan parti pada ketika itu?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa itu pun tidak bersangkutan juga (*Ketawa*).

UNIVERSITI SWASTA— PENUBUHAN

17. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah universiti-universiti tempatan kita berkeupayaan untuk menerima semua pelajar-pelajar Malaysia yang berkelayakan. Jika tidak, mengapa Kerajaan kita ini tidak membenarkan

penubuhan universiti-universiti swasta atau memikirkan lebih lanjut lagi mengenai perkara tersebut.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Perkara ini sudah saya jawab pada 13hb Oktober, 1986 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor. Saya juga telah mengulas perkara ini dalam ucapan menggulung saya pada 15hb Oktober, 1986 di Dewan yang mulia ini. Saya tidak bercadang untuk menambah lagi kepada jawapan itu.

Tuan Gerard Math Lee Min: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan. Bukankah lebih murah untuk mendirikan sebuah universiti di Malaysia, kerana seperti Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menyatakan, Kerajaan akan membelanjakan sebanyak \$125 juta setahun untuk menampung permintaan penuntut untuk mendapat tempat di institusi pengajian tinggi di negara ini? Bukankah ianya akan lebih menjimatkan kalau kita mendirikan sebuah universiti dengan harga hanya di antara \$250 juta ke \$500 juta kerana kita tidak hanya boleh menjimatkan \$125 juta ini tetapi boleh menjimatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila tanya. Jangan beri penerangan.

Tuan Gerard Math Lee Min: Saya hendak habis. Kerana kita bukan sahaja boleh menjimatkan matawang asing sebanyak \$1,177 juta tetapi juga boleh menjimatkan \$125 juta yang kena tambah dibayar. Saya ingat kali ini Yang Berhormat Menteri tidak boleh lari lagi dalam menjawab soalan saya.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan ini juga telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran (*Tepuk*). Kalau saya tidak silap, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menyatakan soal utama ialah soal untuk menyediakan tempat kepada mereka yang ingin mendapat tempat di universiti-universiti tempatan, dan ini dilakukan di tiap-tiap universiti yang ada di mana tempat-tempat pada tiap-tiap tahun ditambah dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua: Kita berbalik kepada soalan yang pertama. Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan.

TARIF ELEKTRIK— MENGURANGKAN

1. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang mengurangkan tarif elektrik bagi kegunaan di rumah-rumah persendirian kerana harga minyak telah turun dan bagi membantu rakyat yang menghadapi kemelesetan ekonomi sekarang ini.

5-12-1986

8. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada LLN akan mengurangkan kadar elektrik yang dikenakan bagi tujuan domestik memandangkan harga antarabangsa minyak telah turun sebanyak kira-kira 60%.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Gantang, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru juga telah mengemukakan soalan yang sama untuk jawapan pada 5-12-1986 ini. Dengan itu saya mohon izm untuk menjawab kedua-dua soalan ini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang Kerajaan tidak bercadang hendak menurunkan kadar tarif sektor domestik di Semenanjung Malaysia kerana penjimatan daripada kejatuhan harga minyak telah diagihkan dalam bentuk diskaun kepada sektor-sektor tertentu seperti berikut:

- (i) Industri—20%;
- (ii) Hotel—10%;
- (iii) Perlombongan—25%;
- (iv) Tekstil—20%; dan
- (v) Lampu awam—20%,

untuk memberi impact yang bermakna kepada industri-industri berkenaan bagi menggalakkan lagi pertumbuhan industri di negara kita ini.

Di Sabah pembekalan elektrik adalah dikendalikan oleh Lembaga Letrik Sabah. Dalam bulan April tahun ini Lembaga Letrik Sabah telah dapat menurunkan tarif bagi penggunaan-pengguna domestik sebanyak 5% manakala tarif bagi perdagangan dan perindustrian telah dikurangkan masing-masing sebanyak 10% dan 12%.

Di Sarawak pembekalan elektrik adalah dikendalikan oleh Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak (SESCO). Oleh kerana badan ini merupakan agensi Kerajaan Negeri maka soal tarif elektrik adalah tertakluk kepada budibicara Kerajaan itu sendiri.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya tarif-tarif bekalan elektrik itu sukar dikurangkan tetapi harga-harga minyak mentah seperti diesel itu selalu fluctuate, dengan izin, atau selalu dapat dinaikkan atau diturunkan. Tetapi kadar harga bekalan elektrik itu susah dapat ditentukan, sebab apabila harganya hendak diturunkan ianya mungkin mengambil setengah tahun

atau satu tahun. Apakah sebab itu? Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan menjawab?

Dan keduanya, adakah Menteri yang berkenaan boleh memberitahu sama ada Lembaga Letrik Negara menghadapi keuntungan atau kerugian. Jikalau menghadapi keuntungan, keuntungan itu boleh diberi kepada consumer, dengan izin.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tarif ini sudah empat kali kita turunkan secara puratanya, pada tahun 1982/1983 kepada 22.35, tahun 1983/1984 kepada 22.34, tahun 1984/1985 kepada 22.26, tahun 1985/1986 kepada 19.16.

Ada penurunannya seperti persoalan oleh Yang Berhormat itu. Penurunan ini berdasarkan kepada return, dengan izin, ataupun pulangan keseluruhan yang terdapat ataupun diperolehi oleh Lembaga Letrik Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Letrik Negara dalam kunci kira-kira kewangannya ada keuntungan tetapi ini tidak bermakna bila ada keuntungan kita mesti turunkan semua tarif yang ada di dalam negara kita ini, kerana kita mempunyai perancangan yang lebih tersusun di mana bagi mengadakan pembangunan pembekal letrik di seluruh negara, ada tempat-tempat yang kita berbelanja begitu banyak, tetapi memakan masa berpuluh tahun, kadang-kadang kemungkinan sampai 50 tahun, 60 tahun belum dapat pulangannya lagi. Inilah yang kita imbangkan daripada tempat yang kita dapat banyak hasilnya daripada tempat yang kita bekal yang tidak mendapat hasil yang begitu banyak. Perimbangan ini adalah sentiasa dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepertimana kita semua telah

dimaklumkan kadar bekalan api domestik telah pun dinaikkan lebih kurang 30% ataupun 40%, jika dibandingkan dengan kadar yang diadakan sebelum 1983.

Saya ingin mendapat tahu walaupun daripada segi industri telah pun dikurangkan sehingga ke satu kadar 25% sepertimana telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya ingin dapat tahu sebab apa kita tidak dapat kurangkan juga kadar untuk perbekalan domestik.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, sebab kalau hendak jawab senang, kita tidak mengurangkan kerana kita tidak berhajat hendak mengurangkan sekarang dan sebab yang paling nyata saya sebutkan tadi ada kawasan-kawasan di mana pihak Lembaga Letrik Negara kita terpaksa menanggung beban yang begitu banyak untuk memberi kemudahan-kemudahan bekalan elektrik, terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar. Di mana umpamanya ada sebuah rumah untuk dibekalkan, Kerajaan terpaksa menanggung sehingga \$3,000 ke \$4,000 dan kemungkinan lebih daripada itu memandangkan kedudukan kawasan perumahan di kawasan luar bandar.

Kita memberi pengurangan kepada sektor-sektor lain seperti industri hotel, perlombongan, tekstil, lampu awam dan sebagainya dan tni adatah juga mungkin tidak secara langsung tetapi secara tidak langsung dapat memberi faedah kepada individu rakyat di negara ini dan keseluruhan hasil sutnya adalah terulang kepada seluruh masyarakat di dalam negara kita.

SOVIET RUSSIA—HUBUNGAN DAGANGAN DENGAN ASIA

2. Dr Abdul Hadibin Derani (di bawah
S. O. 24 (2)) minta Menteri Luar

Negeri menyatakan benarkah pihak Soviet Russia sedang berusaha mempertingkatkan hubungan dagangan dengan negara-negara Asian bagi mengimbangi pengaruh China yang semakin bertambah jika dibandingkan dengan Russia. Jika benar:

- (a) apakah langkah-langkah positif untuk memastikan negara-negara komunis itu tidak mempunyai motif-motif dan mattamat yang tertentu selain daripada kepentingan ekonomi; dan
- (b) apakah jenis barang-barang yang di import dan di eksport ke Soviet Russia itu dari Malaysia.

Menteri Luar Negeri (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Sejak kebelakangan ini ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa negara Soviet Union ingin meningkatkan lagi hubungan perdagangannya dengan negara-negara Asia termasuk Malaysia. Di samping itu turut juga terdapat minat yang bertambah di dalam bidang perdagangan dari negara-negara Eropah Barat, China, Jepun serta Amerika Syarikat di kawasan kita ini.

Mungkin ada negara yang menggunakan perdagangan untuk kepentingan politik mereka di dalam perhitungan dengan negara-negara lain. Namun demikian, Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka menyambut baik minat dari mana-mana negara yang ingin mempertingkatkan perdagangan mereka terutamanya dengan negara ini jika ia dapat mempertingkatkan lagi pembangunan dan perkembangan ekonomi kita

dan di samping itu tidak pula mengandungi unsur-unsur yang boleh menjejaskan keselamatan dan kestabilan negara.

Bagi menjawab soalan (b):

Jenis-jenis barangan yang di import oleh Malaysia dari Soviet Union termasuklah baja, bahan-bahan kimia, traktor, kapas dan bot-bot menangkap ikan. Manakala barang-barang yang dieksport oleh Malaysia ke Soviet Union termasuklah barang-barang pengeluaran utama seperti getah, kelapa sawit, timah, biji koko, serta barang-barang buatan dari getah dan barang-barang siap serta separuh siap.

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Menteri memberi perbandingan antara usaha yang dibuat oleh Soviet Union ini dengan usaha yang sedang dibuat oleh pihak Israel dengan salah sebuah anggota ASEAN dan apakah usaha ini boleh menjejaskan hubungan kerjasama anggota ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu, saya rasa terkeluar dari soalan asal.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya Malaysia tidak terkongkong dengan sikap-sikap negatif negara-negara seperti Republik Rakyat China dan Soviet Union yang kadang-kadangnya berhenti membeli getah atau kelapa sawit dan sebagainya daripada negara kita oleh kerana mereka tidak setuju dengan dasar-dasar kita dari masa ke semasa.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, hubungan antara sesebuah negara dengan negara yang lain adalah teras kepada dua perkara penting. Pertama diplomatik, kedua ialah dagangan serta ekonomi. Bagi

hubungan jenis ini kedua ini ianya harus berasas kepada, dengan izin, inter-dependence, dan bukan bagi sebuah negara itu menentukan atau memaksa sama ada ideologinya atau pengaruh politiknya ataupun kekerasan dari pihak yang berkenaan.

Oleh yang demikian, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, tidak Soviet Union dan juga bukan Negeri China atau mana-mana pihak akan menggunakan pengaruh ataupun cara-cara yang tidak disenangi oleh kerana kita dalam hubungan diplomatik ataupun dagangan dan ekonomi.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana perhubungan antarabangsa antara Malaysia dengan Soviet Union adalah satu perhubungan diplomatik tetapi juga ada perhubungan dagangan juga kebudayaan. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini, sejauh manakah agen-agen yang menjual barangan-barangan daripada USSR dapat terlibat dalam pengaruh politik oleh KGB dan adakah perkara ini ditimbulkan atau tidak. Jika ada atau mungkin ada, apa langkah-langkah yang Kementerian yang berkenaan itu dapat menjalankan untuk mempertahankan negara Malaysia tidak boleh dipengaruhi oleh USSR.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, harus saya nyatakan bahawa rapatnya Soviet Union dengan negara-negara di Asia Tenggara adalah lebih cenderung di dalam bidang perdagangan. Ini adalah kenyataan. Dalam pada itu memang banyak kes yang terdapat yang melibatkan agen-agen dari Soviet Union itu yang tertangkap di negara-negara lain, tetapi di negara ini belum ada lagi kes yang melibatkan mana-mana pegawai ataupun agen dari Soviet Union yang melibatkan diri dengan usaha-usaha untuk, dengan izin, "espionage"

ataupun urusan yang sedemikian. Hanya pada tahun 1979 beberapa laporan telah pun ketara tetapi itu tidak melibatkan mana-mana pihak menerusi dagangan.

**RUMAH SAKIT BERSALIN
PULAU PINANG—KECUEAIAN
DOKTOR**

8. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada tindakan disiplin telah diambil terhadap doktor-doktor yang terlibat dalam kecuaiian meninggalkan tuala wanita di dalam rahim suri rumah Puan Jameyah Shariff dan Puan Faridah Rahmansha selepas kedua mereka melahirkan bayi di Rumah Sakit Bersalin, Pulau Pinang pada tahun 1984. Jika ia, apakah tindakan yang telah diambil.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Tatatertib Kementerian Kesihatan telah meneliti kedua-dua kes bagi Puan Faridah Rahmansha dan Puan Jameyah Shariff dan tindakan disiplin telah pun diambil ke atas doktor yang terlibat iaitu amaran bertulis dan nasihat yang perlu telah diberikan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan setakat ini berapa banyakkah kes-kes yang melibatkan professional negligence, dengan izin, di mana pihak Kerajaan atau Kementerian Kesihatan terpaksa membuat, dengan izin, amicable settlement ataupun penyelesaian di luar mahkamah dan berapakah jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan untuk menyelesaikan kes tersebut di luar mahkamah?

Soalan saya yang kedua, berapa banyakkah ganti rugi yang telah diberikan kepada Puan Jameyah Shariff dan juga Puan Faridah Rahmansha iaitu akibat daripada kecuaiian tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang pertama itu, saya rasa terkeluar. Soalan yang kedua, sila jawab.

Dato' K. Pathmanaban: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Keputusan Mahkamah Session Pulau Pinang telah memberikan pampasan sebanyak \$15,000 kepada Puan Faridah Rahmansha dan tambahan \$290 sebagai "special damages" dan kepada Puan Jameyah Shariff sebanyak \$16,000 sebagai "general damages" dan \$240 sebagai "special damages".

Tuan Hu Sepang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah langkah-langkah telah ataupun akan diambil bagi memastikan doktor-doktor di hospital Kerajaan selepas "memotong" orang (*Ketawa*) tidak akan tertinggal sejenis barang dalam badan pesakit itu?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya doktor "membedah" pesakit, tidak "memotong" orang (*Ketawa*), dan biasanya amalan di tiap-tiap pembedahan adalah satu yang cuba mewujudkan, dengan izin, zero fault dengan beberapa penyediaan dan amaran dan sebagainya, dan di dalam kes seperti ini di bilik bersalin biasanya tidak tersimpan, dengan izin, cotton wool atau gauze dan sebagainya yang boleh tertinggal di dalam badan, rahim dan sebagainya. Dalam kes ini, Kementerian tidak dapat mengesahkan apakah bahan yang terdapat di dalam rahim kedua-dua wanita ini kerana bahan itu diambil oleh seorang doktor swasta dan tidak dikirim kepada kita. Jadi, kita tidak dapat mengesahkan bagaimana tuala atau apa juga bahan itu dapat tertinggal dalam rahim mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Soalan-soalan sudah habis dijawab.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,672,535,390 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1987, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 1986, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut" (6hb November, 1986).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, sila sambung. Yang Berhormat ada 5 minit lagi.

3.55 ptg.

Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof (Balik Pulau): Tuan Yang

di-Pertua, hospital ini bukan sahaja memberi faedah kepada penduduk-penduduk Pulau Pinang, malahan penduduk-penduduk dari Kedah dan Perlis pun datang mendapatkan rawatan di hospital ini bagi kes-kes tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah memberi perhatian sewajarnya kepada kampung-kampung tradisi yang telah sedia ada dalam bandar. Saya tidak tahu sama ada pihak yang bertanggungjawab sedar atau tidak dengan adanya kampung-kampung tersebut. Bagi saya, sudah pun kenal pasti kampung-kampung tersebut. Di Pulau Pinang banyak terdapat kampung-kampung sebagaimana yang saya sebutkan itu di mana kemudahan asas kurang diberi perhatian, sebaliknya kepada kampung-kampung baru diberikan pertimbangan dan dibekalkan pula dengan berbagai kemudahan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang bekas kakitangan perkhidmatan awam, sedikit sebanyak adalah terasa sebagaimana perasaan kawan-kawan dalam perkhidmatan awam, kesan dari pengumuman Belanjawan baru-baru ini. Demi untuk memperkukuhkan dan memulihkan ekonomi negara, saya berkeyakinan penuh bahawa setiap individu masyarakat adalah bersedia untuk berkorban. Kadar faedah pinjaman perumahan dan kenderaan yang dikenakan daripada 4% kepada 6% itu perlulah Kerajaan memberikan pertimbangan atau mengkaji semula agar beban yang dikenakan itu terbatas iaitu kepada pegawai-pegawai yang borang permohonan mereka dalam proses. Kepada pegawai yang diberi pinjaman sebelum Belanjawan diumumkan itu dapat diberikan pengecualian.

Saya curiga beban yang akan ditanggung oleh mereka ini akan meninggalkan kesan yang buruk

kepada Kerajaan kerana kerja-kerja sampingan akan berlaku berlebihan bagi menampung atau menambahkan pendapatan mereka melalui saluran-saluran yang sah ataupun sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, pelancongan adalah diberi keutamaan oleh Kerajaan sebagai salah satu faktor yang dapat memberikan sumbangan kepada ekonomi negara. Persidangan PATA pada awal tahun ini telah membuat satu resolusi iaitu memperkenalkan lagi Malaysia kepada pasaran pelancong luar negeri. Kita mahu para pelancong tersebut menginap di tempat-tempat yang selesa yang bertaraf antarabangsa di samping melawat dan membeli-belah di negara kita ini.

Dalam usaha ini, Kerajaan perlu memberikan perhatian kepada pelancong-pelancong yang menginap di mana-mana sahaja di tempat yang mereka suka. Begitu juga dengan pakaian yang dipakai itu adalah menjolok sosio-budaya dan adat resam masyarakat Malaysia atau tidak bersopan santun itu.

Di Pulau Pinang, Tuan Yang di-Pertua, kita akan sering berjumpa dengan manusia-manusia pelancong sedemikian rupa. Pada satu ketika, kalau tidak salah saya, Kerajaan pernah mengambil tindakan melarang pelancong ala-hippies yang masuk ke negara kita ini. Tetapi kini kalau tidak ala-hippies, tetapi seakan-akan hippies itu masih ada. Saya bimbang manusia beginilah kebanyakannya mempengaruhi belia-belia dan beliawanis serta berkemungkinan mereka itu jugalah orang-orang yang menjadi pengedar dadah. Oleh itu Kementerian Dalam Negeri perlulah memberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong perbelanjaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai.

4.00 ptg.

Tuan Chew Kam Hoy (Padang Serai): Tuan Yang di-Pertua, banyak telah disentuh dan banyak juga cadangan-cadangan teiah dikemukakan beberapa hari yang lepas, tetapi pada hemat saya yang terpenting sekarang ialah untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi dengan mencari suatu jalan meningkatkan pendapatan negara. Dari segi ini keuntungan mesti berasaskan keuntungan dari luar negeri. Yang demikian adalah mustahak perusahaan berorientasi eksport diberi keutamaan dan galakan yang sewajarnya.

Apabila membentangkan Belanjawan 1987, Menteri Kewangan telah mencadangkan Industrial Co-ordination Act, 1975, dengan izin, atau Akta Penyelarasan Industri, 1975 dilonggarkan. Ini adalah satu langkah yang bijak, tetapi apa yang dilonggarkan itu adalah terlalu kecil dan tidak akan membantu kita meningkatkan hasil dari luar negeri dengan berkesan. Yang dicadangkan itu cuma melonggarkan syarat, dengan izin, manufacturing licence, iaitu semua syarikat tidak dikehendaki mempunyai lesen tersebut jika saham syarikat tidak melebihi \$2.5 juta atau mempunyai pekerja tidak melebihi 75 orang.

Tuan Yang di-Pertua, ICA sekarang ini boleh menjadi penyelamat negara jika Kerajaan bersedia mengkaji semula semua syarat-syarat yang terkandung. Pertama, semua peniaga yang perusahaan mereka semata-mata untuk eksport mesti diberi kebebasan sepenuhnya dan dikecualikan secara langsung daripada syarat-syarat ICA. Pengecualian tersebut akan dapat memperbaiki suasana pelaburan untuk memperkembangkan pelaburan swasta dan meningkatkan keyakinan pihak swasta. Golongan ini adalah golongan yang penting kerana merekalah yang

akan mendatangkan hasil daripada luar negeri atau perniagaan yang boleh menambahkan hasil negara secara berkesan. Apakah salahnya jika mereka diberi keutamaan dan kebebasan sepenuhnya? Mereka ini boleh membantu negara memulihkan ekonomi yang sedang merosot secara langsung. Seperti yang dimaklumkan daripada setiap ringgit yang mereka ini untung dari luar negeri 45 sen akan diuntungkan oleh negara secara cukai. Dengan ini hasil negara yang diperolehi itu akan dapat mempercepatkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan proses penyusunan semula masyarakat. Tanpa pertumbuhan ekonomi, tidak wujud pula penyusunan semula masyarakat. Kita tidak boleh bergantung semata-mata kepada perniagaan dalam negeri sekarang kerana keuntungannya juga diperolehi daripada rakyat kita sendiri dan ia tidak akan membantu menambahkan hasil dengan cepat dan berkesan. Oleh yang demikian, saya menyeru Kerajaan membentuk satu jawatankuasa khas untuk mengkaji semula ICA dengan teliti. ICA jika diubahsuai akan membantu kita mencapai matlamat DEB yang telah berjalan selama 15 tahun tanpa mencapai kejayaan yang sewajarnya.

Kita memang mempunyai dasar-dasar yang baik, bukan sahaja Dasar Ekonomi Baru tetapi juga Dasar Pertanian Negara, Pelan Induk Pembangunan Industri Negara, Persyarikatan Malaysia, Dasar Perindustrian Berat, Sogoshosha Malaysia, Penswastaaan, Dasar Belilah Barangan Malaysia, Dasar Pengurangan Belanjawan Awam dan Dasar Pandang Ke Timur. Sepertimana yang dikatakan, kadar kejayaan DEB selama ini bukan sahaja sangat rendah malah jauh daripada memuaskan. Perbezaan rakyat terus dirasai sehingga hari ini dan perbezaan antara yang kaya dan yang miskin terus menjadi masalah dan tanda tanya. Ini

adalah kerana DEB tidak dilaksanakan dengan teratur. DEB boleh dibandingkan dengan permainan golf, di mana yang kurang bijak dan yang miskin diberi "handicap" supaya mereka dapat bertanding bersama dengan yang lain dan diberi peluang yang sama untuk mencapai kejayaan. Tetapi jika handicap itu tidak diseimbangkan dengan betul dan adil, maka pertandingan golf itu tidak akan berjaya dengan keputusan yang memuaskan. Sebaliknya ia akan menimbulkan perasaan negatif bahawa pertandingan itu tidak adil kerana mereka akan merasa kecewa dan masalah akan terus melanda.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah menimbulkan perasaan bahawa ia cuma membantu sesuatu kaum yang terpilih sahaja. Kita mesti ingat bahawa walaupun kebanyakan yang miskin itu adalah orang-orang Melayu dan harus diberi bantuan, tetapi janganlah kita lupa bahawa kaum-kaum lain juga mempunyai rakyat yang miskin, sungguhpun bilangan mereka tidak begitu besar. Jika orang-orang miskin yang dari gotongan Cina, India, Iban, Dayak dan Orang Asli tidak diberi keutamaan yang serupa atau layanan "handicap" yang saksama, akan wujud perasaan frustrasi di kalangan mereka. Kita semua tahu bahawa ramai rakyat di kampung-kampung baru, estet-estet dan di pekan-pekan tertentu terus dilanda kemiskinan yang seteruk-teruknya. Mereka ini mesti diberi layanan yang serupa dengan yang lain dan mesti diberi peluang menyertai rancangan-rancangan tanah yang dilaksanakan oleh FELDA dan FELCRA.

Mengikut perangkaan, sehingga 31hb Oktober, 1982 hanya 4% peneroka FELDA adalah bukan Melayu. Peneroka Melayu terdiri

daripada 71,613 orang atau 96.3%, Cina 1,249 orang atau 1.7%, India 1,431 orang atau 1.9% dan lain-lain 35 orang atau 0.05%. Perangkaan ini merupakan jawapan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ketika itu pada 1hb Disember, 1982 kepada satu persoalan.

Pendek kata, pelaksanaan yang tidak memuaskan menjadi masalah besar hari ini. Matlamat DEB dan dasar-dasar lain tidak dapat dijayakan dengan berkesan, walaupun ini matlamatnya amat baik. Dasar yang terbaik di dunia pun akan gagal jika ia tidak dilaksanakan dengan betul, adil, saksama dan dengan hati yang mulia dan terbuka. Dengan memulihkan keadaan dan kelemahan-kelemahan ini barulah kita dapat memastikan suasana pelaburan yang sesuai untuk pelabur-pelabur asing dan dari dalam negeri.

Saya sokong penuh peruntukan untuk pembangunan luar bandar. Kawasan saya, Padang Serai, mempunyai banyak kawasan-kawasan pendalaman yang amat mundur seperti kampung-kampung di Baling, Merbau Pulas, Lunas dan lain-lain lagi. Rakyatnya terdiri daripada penoreh getah yang kini tidak dapat bekerja kerana musim tengkujuh. Ini adalah masalah ulangan yang menjejaskan pendapatan dan kehidupan mereka.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya berharap pihak Kerajaan akan lebih menitikberatkan projek-projek luar bandar yang dapat meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk miskin secara langsung dan tidak semata-mata hanya membangunkan kemudahan asas, seperti pembinaan jalan-jalan dan parit-parit serta bekalan air dan elektrik.

Dari segi dasar, saya menyokong Belanjawan 1987 yang dibentangkan dengan harapan dasar-dasar tersebut

akan dilaksanakan sepertimana yang diinginkan secara adil dan saksama. Saya tidak bersetuju dengan pandangan pihak Pembangkang yang menyatakan Belanjawan 1987 digariskan secara "ad hoc", dengan izin. Kebetulannya Belanjawan kali ini adalah perlanjutan dasar-dasar dan cara-cara pentadbiran kewangan negara yang telah lama diamalkan yang mengutamakan matlamat terpenting, iaitu demi kebaikan rakyat dan menyatukan semua rakyat tanpa mengira kaum atau keturunan.

Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Saratok.

4.12ptg.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau (Saratok): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan di sini untuk bersama-sama Yang Berhormat yang lain memberi pandangan saya tentang cadangan Belanjawan untuk tahun 1987 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini.

Sebagaimana kita sedia maklum, Anggaran Perbelanjaan tahun 1987 ini adalah memuaskan jika kita mengambilkira pendapatan Kerajaan pada masa ekonomi yang lembab sekarang. Dengan cara-cara yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan mengatasinya adalah sebanyak sedikit teguran dari pihak kakitangan Kerajaan yang sudah ada pinjaman perumahan ataupun pinjaman kereta dengan kadar faedah telah disahkan dalam perjanjian, iaitu 4% sahaja. Bagi mengatasi masalah ini sekiranya Menteri Kewangan dapat menimbang cadangan yang menarik hati saya pada dua tiga hari dahulu dah Yang Berhormat dari Batu Berendam untuk menaikkan cukai kepada Casino di

Genting Highlands, tentu kenaikan 2% lagi dapat dielakkan kepada pinjaman-pinjaman yang dahulu itu. Sekiranya cadangan ini tidak dapat dibuat oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, saya harap semua yang terlibat akan terus bersabar dan berhati-hati serta memahami, iaitu tanggungjawab Kerajaan ialah tanggungjawab kita semua. Jikalau hakikat ini disedari oleh rakyat, tentu sekali pada masa ekonomi negara kita pulih semula, Kerajaan akan berbuat demikian, iaitu membaiki dan mengubah keadaan mengikut pendapatan negara. Saya percaya Kerajaan akan berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan rakan saya Yang Berhormat dari Mas Gading supaya cukai di lapangan terbang bagi rakyat Malaysia pergi ke luar negeri patut dipertimbangkan. Orang yang pergi itu adalah orang yang berada dalam golongan yang dapat membayar \$10 tiap-tiap seorang. Ini adalah menggalakkan orang tempatan melancong dalam negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan peruntukan yang banyak untuk pembangunan luar bandar, lebih lagi pada tahun 1986 yang lalu. Di dalam ucapan saya bagi memberi terima kasih kepada Ucapan Titah Di Raja, saya mengatakan keadaan di luar bandar, khususnya di Sarawak masih lagi belum ada banyak perubahan dan memerlukan bantuan dan pembangunan di segala bidang, tetapi ini tidak dapat tercapai sekiranya kestabilan politik kita tidak wujud, khususnya di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan iaitu kestabilan politik di negara kita amnya, dan di Sarawak ataupun di Sabah khususnya adalah penting sekali supaya perpaduan keharmonian dan segala-gala kemajuan pembangunan keseluruhannya dapat dipupuk dan

dipertingkatkan lagi untuk meninggikan taraf hidup semua rakyat dan yang mustahak, yang lagi jauh mundur dapat dibimbing bersama-sama.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka memberi pandangan saya sendiri dan saya berharap begitu juga Parti SNAP, iaitu apa yang penting sekali ialah bekerjasama yang erat di antara parti-parti politik dan lebih lagi di antara yang ada menganggotai Barisan Nasional di Sarawak. Saya sedar iaitu negara kita yang mempunyai Kerajaan Berparlimen tentu sekatilah banyak parti-parti politik yang timbul dari masa ke semasa dan di Negeri Sarawak pun tidak ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kalau kestabilan politik dapat dicapai di peringkat Pusat, sekiranya di Sarawak tidak stabil, tentu segala-gala pembangunan di Sarawak tidak dapat tercapai mengikut aspirasi-aspirasi rakyat, lebih-lebih lagi kalau Kerajaan Pusat tidak memberi sokongan penuh, misalnya apabila memberi peruntukan perbelanjaan dari satu tahun ke satu tahun kepada Negeri Sarawak. Sebagaimana kita maklum, peruntukan yang diberi kepada Negeri Sarawak kebanyakannya dari segi implimentasinya ialah diuruskan oleh Kerajaan Negeri. Ini penting dan perlu dikekalkan begini kerana taraf pengurusan boleh dikatakan seimbang keseluruhannya dengan apa yang kita uruskan di Semenanjung. Keadaan yang begini tentu sekali perlukan, iaitu yang memegang pucuk pimpinan di Sarawak disokong penuh oleh komponen-komponen Parti Barisan Nasional di Sarawak dan kalau dapat rakyat Malaysia keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah terjadi mengenai parti-parti politik di Sarawak semenjak tahun 1963 sampai baru-baru ini tadi adalah saya fahamkan sebanyak sedikit boleh

memberi pengajaran ataupun mewujudkan kesefahaman di antara semua pihak. Ini jelas apabila Parti SNAP diterima ataupun dijemput masuk Barisan Nasional dalam tahun 1976 selepas jadi Parti Pembangkang selama 10 tahun. Sungguhpun Setiausaha Agungnya, Datuk Stephen Kalong Ningkan yang kita sedia maklum menjadi Ketua Menteri yang pertama pada 16hb September, 1963 dan kemudian dipecat dan disingkir dari kerusinya dalam tahun 1966, ini semuanya jadi sejarah. Tetapi kita tidak boleh lari dari sejarah kalau kita mahu mengetahui keadaan yang sebenar supaya haluan kita menuju ke arah destinasi yang saya katakan tadi mungkin dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan di sini iaitu sungguhpun Parti SNAP telah menempuh segala-gala perbezaan pendapat di kalangan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahlinya, ini mewujudkan parti itu berbelah dua ataupun berpecah dua dalam pertengahan tahun 1983, Masa itu saya sendiri belum lagi jadi ahli mana-mana parti. Dari perpecahan ini timbullah parti baru yang kita kenal sebagai Parti Bansa Dayak Sarawak ataupun nama pendeknya PBDS. Masa Pilihanraya Negeri di hujung tahun 1983, SNAP dapat 8 kerusi dan PBDS dapat 7 kerusi, sungguhpun yang ketujuh itu kedudukan kerusinya belum berapa jelas. Oleh kerana rakyat Malaysia dan pemimpinnya di Sarawak mahu dan sangat perlukan kestabilan politik diwujudkan, maka parti baru ini tadi diterima ke dalam Barisan Nasional selepas pilihanraya. Begitu juga kedudukan Parti SNAP masih kekal dalam anggota Barisan Nasional dalam peringkat Negeri dan peringkat Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, semua masalah ini tadi dapat diwujudkan dan tercapai kerana semua pihak berkehendakan sangat perlukan kemajuan dan pembangunan supaya

taraf hidup rakyat dapat dipertingkatkan lagi di bawah pimpinan Ketua Menteri, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud yang mengambilalih pucuk pimpinan Barisan Nasional di peringkat negeri Sarawak semenjak pertengahan tahun 1981. Rakyat Sarawak masa itu memang tertunggu-tunggu adakah beliau mahu ataupun dapat mengubah sebanyak sedikit cara-cara dan strategi-strategi pentadbirannya mentadbir negeri Sarawak yang mempunyai banyak rupa kaum, banyak agama, adat resam dan tradisi mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan dan mengikut pemerhatian parti SNAP—saya sendiri salah seorang Naib Presidennya, beliau nampaknya mahu menunjukkan diri betul-betul sebagai Ketua Menteri, betul-betul sebagai ketua parti PBB dan betul-betul sebagai Ketua Barisan Nasional di peringkat negeri. Tetapi apa yang menyedihkan iaitu pada awal Januari, 1985 timbullah masanya beliau memberitahu orang ramai iaitu ada beberapa Ahli Tertinggi Majlis PBB sendih dikatakan oleh beliau tidak suka dengannya sebagai Ketua Menteri dan sebagai Presiden PBB. Masa itulah parti SNAP ada bermesyuarat dan memberi keputusan dalam Majlis Tertinggi SNAP, parti ini menyokong penuh dengan sebulat suara, iaitu Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud memang wajar dan patut sebagai Ketua Menteri Sarawak oleh kerana beliau nampaknya ada cukup bertimbang rasa dengan semua kaum dan mahu mengubah sedikit demi sedikit corak-corak pentadbirannya berdasarkan satu konsep ataupun corak pentadbiran yang diberi nama politics of development, dengan izin, iaitu politik pembangunan.

Satu daripada corak pentadbiran ini ialah Ketua Menteri sekarang ada bayang-bayangnya memberi lebih lagi

kepentingan rakyat jelata dari kepentingan dirinya sendiri. Ini jelas apabila keadaan kedudukannya sebagai Ketua PBB dalam konvensyen parti itu baru-baru ini telah dikekalkan dan nyata.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kestabilan politik di negeri Sarawak mungkin dan terus akan wujud jika sejarah politik dari awalnya dahulu sampai masa kini boleh jadi panduan kita semua.

Bagi parti SNAP sampai masa kini tetap menyokong Ketua Menteri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud sebagai Ketua Barisan Nasional di Sarawak. Saya harap dan rakyat Malaysia di Sarawak tentu yakin iaitu Ketua Menteri dapat memberi perhatian penuh kepada pembangunan negeri Sarawak dan apa-apa cadangan beliau kepada Kerajaan Pusat patut ditimbang dengan serius dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka mengambil kesempatan memberi banyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Pusat dan Kementerian Pertanian kerana kelulusan Projek-projek Kalaka/Saribas dan menyalurkan pinjaman wang dari ADB (Bank Pembangunan Asia) kepada negeri Sarawak dan seterusnya kepada Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak (SELCRA) untuk perbelanjaan menanam kelapa sawit dengan kawasan 10,000 hektar di kawasan saya di Saratok.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pembangunan tanah yang dihakmilik oleh orang tempatan sendiri tentu sekali memerlukan pembangunan sosial menerusi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Apa yang telah ada di Sarawak amnya patut dipertingkatkan lagi di kawasan-kawasan yang memerlukannya, khasnya di Saratok dan di kawasan-kawasan yang sesuai di negeri

Sarawak. Peruntukan yang lebih patut diberi kepada negeri Sarawak memandangkan banyak lagi kawasan yang memerlukan pembangunan sosial berkembang di semua bidang supaya rakyat di luar bandar di Sarawak dapat dipupuk dan dibimbing menuju ke arah taraf kehidupan yang dapat memuaskan dan semangat integrasi mungkin dapat dirasai sedikit demi sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh satu perkara mengenai Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak (SELCRA) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Serian berkenaan dengan satu firma bukan bumiputera yang telah ditawarkan untuk menjadi wakil penjual ataupun agen Syarikat Mayang Tea Sdn Bhd., iaitu anak syarikat SELCRA.

Sebagai Pengerusi SELCRA, mengambilalih dari Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mulai dari bulan Julai 1985, saya suka memberi penjelasan yang sebenar iaitu sebelum wakil penjual ataupun distributor, dengan izin, ditawarkan, lebih dahulu satu notis di dalam suratkhbar telah dikeluarkan menyatakan syarat-syarat yang dikehendaki, iaitu syarat yang pertama, agen itu mesti mempunyai saluran penjualan yang cekap; kedua, hubungan perniagaan yang luas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah habis. Masa sudah cukup 15 minit.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tidak lama, Tuan Yang di-Pertua, boleh saya gulung?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Gulung, ya.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Kedua, hubungan

perniagaan yang luas dan ketiga, mempunyai prestasi kewangan yang teguh. Syarat ini perlu untuk menentukan bahawa pemasaran akan dijalankan dengan cekap tanpa menjejaskan penjualan teh ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila tempoh sudah akhir, tiga firma dari Sarawak, semuanya bukan bumiputera dan dua firma dari Semenanjung, satu dari bumiputera dan satu lagi dari bukan bumiputera telah diterima oleh Syarikat Mayang Tea Sdn Bhd untuk dipertimbangkan. Mengikut tawaran yang diterima dari firma bumiputera dari Semenanjung, firma ini tidak ada mempunyai saluran penjual di Sarawak dan dengan itu tawarannya tidak mengikut syarat-syarat yang dikehendaki dalam notis di dalam suratkhobar tadi. Dari sinilah Board of Management memberi tawaran kepada firma bukan bumiputera di Sarawak yang mempunyai syarat-syarat yang dimaksudkan oleh Mayang Tea Sdn Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, dari penjelasan itu tadi, nampaklah Kerajaan Negeri Sarawak tidak mengenyepikan kaum bumiputera di Sarawak, lebih-lebih lagi kalau bumiputera sendiri tidak berusaha mengambil peluang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga memberi satu lagi penjelasan mengenai.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, cukuplah itu, sudah lebih 15 minit.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Baik. Jadi, dengan ini saya sokong Belanjawan tahun 1987.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sandakan.

4.27ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Yang di-Pertua, dalam Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan telah mengatakan bahawa untuk mengurangkan kos pekerjaan bagi menarik pelabur-pelabur asing Kerajaan telah mencadangkan bahawa kenaikan gaji di kedua-dua sektor awam dan swasta hendaklah dibekukan secara sukarela selama tiga tahun. Juga dikatakan bahawa pembekuan ini akan dijadikan wajib bagi kedua-dua sektor sekiranya keadaan memerlukan. Cadangan Menteri Kewangan itu adalah menghairankan dan saya tidak tahu sama ada Menteri Kewangan sedar tentang set up, dengan izin, perhubungan perusahaan di negara ini.

Memang kami semua menyedari akan kemelesetan negara kita. Marilah kita sekarang meneliti keadaan ekonomi kita. Sungguhpun kemelesetan ekonomi kian bertambah berat, namun Malaysia masih terus hidup menerusi pinjaman-pinjaman dengan pengurangan hasil dari \$19,158 juta dalam tahun 1986 kepada anggaran hasil sebnayak \$18,020 juta dalam tahun 1987.

Dan service hutang kita akan meningkat kepada \$5,973 juta dalam tahun 1987 berbanding dengan \$5,940 juta dalam tahun 1986 dan peningkatan ini disebabkan sebahagiannya oleh kejatuhan harga komoditi dan kemerosotan nilai mata wang ringgit. Adalah amat dikesali bahawa Belanjawan 1987 tidak menyentuh langsung mengenai berbagai skandal yang telah berlaku seperti skandal BMF dan pembelian bijih timah secara misteri di Pasaran Bijih Timah London dan lain-lain yang lelah menyebabkan kerugian berbillion-billion ringgit serta menjadi punca-punca yang menjejaskan kesetabitan ekonomi kita. Kesemua skandal ini adalah disebabkan oleh kelalaian atau salah

pengurusan oleh Kerajaan juga telah menyebabkan penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

Kadar pengangguran di negara dijangka meningkat dari 8.7% kepada 9.5% tahun hadapan. Masalah pengangguran adalah salah satu faktor utama yang menyumbang ke arah masalah sosial di negara ini. Sebelum ini Kerajaan telah ugut bahawa pekerja-pekerja sektor awam akan diberhentikan kerja. Kerajaan hendaklah berusaha mewujudkan pekerjaan bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja. Namun demikian adalah amat sedih untuk memastikan bahawa Kerajaan bukan sepenuhnya cuba mengatasi masalah pengangguran tetapi sebaliknya memburukkan lagi masalah pengangguran. Perbuatan ini haruslah dikutuk.

Cadangan Kerajaan untuk membekukan kenaikan gaji dalam sektor awam dan swasta tidaklah patut kerana pembekuan tersebut akan menghalang pertumbuhan ekonomi dan kuasa pembelian pekerja akan dikurangkan.

Saya minta Kerajaan memberitahu Dewan ini sama ada apabila Kerajaan mencadangkan pembekuan kenaikan gaji bagi pekerja-pekerja sektor awam dan swasta, Kerajaan telah memperkukuhkan juga harga barang-barang keperluan sektor keuntungan para majikan. Memang ramai majikan terjejas akibat kemelesetan ekonomi tetapi mereka masih memperolehi keuntungan dan mampu memberi kenaikan gaji kepada pekerja-pekerja mereka. Dengan mengenakan pembekuan gaji Kerajaan sebenarnya adalah exploiter kebebasan segala kelas pekerja.

Malaysia mempercayai dalam keluhuran undang-undang, Mahkamah Perusahaan telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk

menyelesaikan pertelingkahan-pertelingkahan dan rungutan-rungutan antara pihak majikan dan pekerja dan mahkamah telah menetapkan beberapa prinsip dan prinsip-prinsip ini telah menjadi prinsip-prinsip memandu atau guiding principle dalam perhubungan perusahaan kita.

Prinsip yang ditetapkan oleh Mahkamah Perusahaan berkenaan dengan perundingan gaji Kerajaan dan pembayaran gaji adalah pertama—kemampuan untuk membayar; kedua—kadar pekerja tersebut dalam industri yang berkenaan; dan ketiga—faktor kos itu. Dengan membekukan kenaikan gaji Kerajaan telah tidak menghiraukan kerja dan prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Mahkamah Perusahaan.

Kerajaan harus ingat bahawa untuk memerintah dan memerangi kemelesetan ekonomi, ia tidak boleh buat apa-apa mengikut hawa nafsunya. Kerajaan hendaklah berkhidmat dalam rangka keluhuran undang-undang dan prinsip-prinsip perhubungan perusahaan yang ditetapkan di negara ini. Kerajaan tidaklah sepatutnya campur tangan dalam hal perundingan kenaikan gaji.

Soal kenaikan gaji hendaklah diserahkan kepada majikan dan kesatuan sekerja untuk memutuskan dengan cara sukarela. Menteri Kewangan telah mencadangkan bahawa faedah kadar kerja akan dikurangkan bagi mengurangkan kos para majikan. Cadangan Kerajaan ini akan menjadi faktor utama ke arah mewujudkan pengangguran di negara ini. Saya pasti dengan restu Kerajaan majikan-majikan yang tidak jujur akan mengambil kesempatan akan keadaan ini. Dalam mana-mana urusan pemberhentian kerja, pekerja-pekerja yang telah khidmat lama akan terjejas kerana gaji mereka adalah tinggi dan ini adalah salah satu cara yang dikenakan oleh para majikan untuk

mengurangkan kos. Apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan majikan-majikan tidak akan menyalahgunakan kuasa mereka untuk memberhentikan pekerja-pekerja mereka khasnya semasa zaman kemelesetan ekonomi.

Dalam tahun 1980 Dewan ini telah meminda Akta Pekerja 1955 untuk meninggikan kadar bayaran gaji lebih masa. Dan pada masa yang sama menghadkan kerja lebih masa kepada 36 jam sebulan yang kemudiannya dipinda kepada 76 jam. Mana-mana kerja lebih masa yang melebihi 76 jam hendaklah diluluskan oleh Menteri Buruh dan saya difahamkan kelulusan telah pun diberi dalam beberapa kes. Kerajaan telah pada waktu itu meninggikan kadar bayaran kerja lebih masa serta menghadkan kerja lebih masa dengan harapan bahawa lebih banyak lagi pekerjaan akan diwujudkan. Ini mengakibatkan kemelesetan ekonomi dan untuk mengurangkan kos para majikan. Kerajaan telah mengurangkan kadar kerja lebih masa. Cadangan ini akan mewujudkan victimisation dan eksploitasi kelas pekerja. Apakah yang akan dibuat oleh Kerajaan untuk melindungi kelas pekerja.

Kerajaan hendaklah mengambil tindakan menghentikan pemborosan. Jet-jet Eksekutif yang digunakan oleh Kerajaan hendaklah dijual untuk mengurangkan penyelenggaraan jet-jet tersebut untuk mengetatkan kedudukan kewangan negara.

Parti DAP juga menggesa Kerajaan Barisan Nasional supaya jangan melantik mana-mana Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri untuk menjadi Pengerusi atau ahli mana-mana agensi atau anak-anak syarikat yang dikuasai oleh Kerajaan sebagai langkah untuk mengurangkan perbelanjaan memandangkan Ahli-ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri sudahpun

menikmati elaun-elaun sebagai Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri, jawatan-jawatan tersebut hendaklah dipenuhi oleh orang-orang lain supaya pengagihan kekayaan dapat dinikmati oleh semua orang di negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh.

4.40ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Tasek Chenderoh): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya Belanjawan 1987 ini adalah merupakan suatu Belanjawan yang sederhana, realistik lagi membina, selaras dengan iklim ekonomi dunia yang tidak menentu dan sukar untuk diramalkan. Oleh itu, izinkan saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Timbalan-timbalan serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementeriananya kerana telah berjaya merangka dan membentangkan Belanjawan.1987 ini. Salah satu strategi Belanjawan ini ialah untuk mengurangkan peranan sektor awam di dalam ekonomi dan memperkukuhkan kedudukan kewangan negara adalah merupakan suatu yang berfaedah dan menasabah. Langkah menswastakan mana-mana sektor awam yang difikirkan sesuai bagi mengurangkan bebanan kewangan Kerajaan adalah dialu-alukan. Tetapi kepentingan awam hendaklah tidak diabaikan kerana Kerajaan adalah bertanggungjawab secara langsung terhadap kebajikan umum.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar sejak tahun 70an, sektor awam telah dilibatkan secara aktif di dalam kegiatan ekonomi negara. Akhirnya sebanyak 850 buah perbadanan dan

anak-anak syarikat tajaan Kerajaan telah ditubuhkan. Apabila perbadanan dan anak-anak syarikat ini mengalami kerugian terutama dalam keadaan ekonomi yang meleset ini sehingga menyebabkan bebanan kepada Kerajaan, akibatnya Kerajaan telah dijadikan sasaran dengan berbagai-bagai tohmah dan tuduhan yang dilemparkan. Ada yang benar, dan tidak kurang pula yang melulu. Ada yang mengatakan Kerajaan telah tersalah perancangan, Kerajaan rasuah, Kerajaan tidak bersih, cekap dan amanah dan lain-lain tagi. Di samping itu, tenaga pengurusan juga turut dikecam. Tetapi kalau kita menoleh kembali kepada sejarah penubuhan dan mengkaji objektif-objektifnya mungkin berlainan pula pandangan kita. Perbadanan dan anak-anak syarikat tajaan Kerajaan itu tidak berfungsi seperti mana-mana syarikat kepunyaan swasta yang semata-mata bertujuan untuk mencari keuntungan sahaja. Tujuan perbadanan anak-anak syarikat tajaan Kerajaan bukan semata-mata untuk mencari keuntungan, tetapi dalam masa yang sama ia merupakan sebuah institusi latihan kemahiran dan pembimbing kepada masyarakat bumiputera yang jauh ketinggalan di dalam berbagai-bagai sektor jika dibandingkan dengan masyarakat bukan bumiputera.

Misalnya dalam sektor pembalakan, pengangkutan, perniagaan, perusahaan, perindustrian, perkapalan, pembinaan dan sebagainya. Alhamdulillah, menerusi perbadanan-perbadanan dan anak-anak syarikat tajaan Kerajaan itu, masyarakat bumiputera yang dahulunya hanya bergiat dalam sektor pertanian secara tradisional telah mula mengorak langkah ke bidang-bidang yang saya nyatakan tadi. Sehingga hari ini Kerajaan sudah berjaya melahirkan berpuh-puluh ribu tenaga mahir dan separuh mahir di kalangan bumiputera dalam sektor-sektor yang tersebut. Berdasarkan hakikat ini walaupun

pada zahirnya perbadanan atau anak syarikat itu mengalami kerugian dari segi perkiraan untung rugi tetapi ia beruntung dari segi menambahkan gunatenaga mahir dan separuh mahir di kalangan bumiputera yang merupakan suatu khazanah negara yang sangat berharga. Oleh itu apabila kita membincangkan perkara itu, kedua-dua faktor itu seharusnya diambil kira. Dengan yang demikian, saya berpendapat kewujudannya masih lagi dirasakan perlu. Dengan yang demikian, adalah tidak benar pendapat yang mengatakan Kerajaan telah tersalah dalam perancangan, kerana langkah yang diambil itu amat sesuai dengan keperluan semasa. Dan tenaga pengurusan juga tidak kesemua bersalah seperti yang disangka.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya bersetuju bahawa prestasi perbadanan dan anak-anak syarikat itu hendaklah dikaji dengan teliti di samping langkah-langkah yang positif perlu diambil dengan keperluan masa kini sama ada ianya harus dipulih atau terus dibubarkan. Serentak dengan itu usaha-usaha ke arah mempertingkatkan produktiviti dan meninggikan kecekapan di kalangan pegawai dan kakitangan mestilah diberi perhatian yang serius.

Memandangkan pertumbuhan ekonomi yang semakin rendah, kadar pengangguran yang kian meningkat, pendapat per kapita yang semakin menurun, hutang negara yang semakin bertambah, adalah mencerminkan betapa besarnya masalah yang sedang dihadapi oleh negara sekarang ini. Oleh itu setiap rakyat yang cintakan negara dan zuriatnya yang akan datang, haruslah menyedari dan menerima hakikat bahawa negara kita tidak akan terselamat daripada terjerumus ke jurang kehancuran tanpa sokongan dan kerjasama serta pengorbanan dari semua pihak dan lapisan rakyat seluruhnya.

Berdasarkan hakikat ini, semua pihak haruslah bersedia menghadapi cabaran dan ujian serta dugaan dengan penuh ketabahan dan kesabaran serta keyakinan diri di samping berusaha dengan gigih untuk menentang arus kemelesetan yang berterusan itu. Namun demikian, Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah yang positif untuk menerangkan kepada rakyat tentang masalah yang dihadapi oleh negara sekarang ini. Tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelajah ke beberapa buah negeri-negeri di Malaysia ini adalah dialu-alukan. Ini adalah satu langkah yang membina. Beliau telah pergi ke beberapa buah negeri untuk bertemu dengan pegawai-pegawai kanan Kerajaan di sektor awam dan juga pemimpin-pemimpin politik tempatan untuk menerangkan tentang masalah-masalah kewangan negara di samping menjelaskan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan. Saya berharap langkah yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini akan dicontohi oleh Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri dan juga Setiausaha-setiausaha Parlimen untuk pergi dan berjumpa dengan pegawai-pegawai di sektor awam supaya tahap produktiviti dan daya tahan pegawai-pegawai ini dapat dipertingkatkan dan diperkukuhkan dari semasa ke semasa. Namun demikian, tindakan yang drastik lagi membebankan perasaan kakitangan sektor awam perlu dikaji semula agar kita tidak terlalu mengharapkan untung sekarang, kelak kita akan rugi seguni.

Misalnya berdasarkan cadangan dan langkah-langkah yang akan diambil secara serentak sekurang-kurangnya 6 perkara adalah difikirkan terlalu membebankan umpamanya:

- (i) cadangan menaikkan kadar faedah pinjaman rumah dan kereta dari 4% kepada 6%;

- (ii) cadangan menahan kenaikan gaji secara sukarela selama tiga tahun atau akan diwajibkan jika perlu;
- (iii) cadangan memotong gaji bulanan untuk cukai pendapatan jika jumlah kadar pembayaran melebihi \$500 untuk mana-mana tahun taksiran;
- (iv) memotong beberapa elaun tertentu;
- (v) memansuhkan skim pencen dan dikehendaki mencarum kepada KWSP bagi kakitangan yang berkhidmat kurang 10 tahun;
- (iv) menarik balik pengecualian pendapatan sewa rumah di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan sebagainya.

Saya khuatir tindakan yang drastik ini akan membebankan perasaan dan merupakan satu kejutan jiwa yang boleh mematahkan semangat bekerja dengan tekun, jujur dan dedikasi di kalangan kakitangan sektor awam. Sektor awam adalah merupakan nadi penggerak utama di dalam pembangunan negara. Jika keadaan ini berlaku, sudah pasti akan menjejaskan prestasi perkhidmatan Kerajaan yang akan menyukarkan lagi hasrat Kerajaan untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi dan menstabilkan kewangan negara di masa hadapan. Inilah yang saya ibaratkan "harapkan untung sekarang, kita akan rugi seguni". Tuan Yang di-Pertua, oleh itu jika boleh saya mencadangkan bahawa kadar kenaikan faedah pinjaman itu adalah munasabah dikenakan kepada mereka yang baru meminjam dan dikecualikan kepada kakitangan Kumpulan C dan D.

Kedua, mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah diberi peluang untuk memilih sama ada untuk kekal dalam skim pencen atau sebaliknya.

Yang ketiga, pembekuan kenaikan gaji itu perlu dikaji semula, yang lain-lainnya, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dilaksanakan kerana pada pandangan saya itu pun sudah membuktikan suatu pengorbanan kakitangan sektor awam terhadap masalah negara sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan yang seperti ini Kerajaan memerlukan mengadakan rancangan jangka panjang dan jangka pendek.

Saya berterima kasih di atas kesedaran Kerajaan untuk mengubah struktur ekonomi negara kita. Pada masa lalu dan masa kini negara kita adalah bergantung kepada perolehan bahan utama negara, apabila bahan-bahan utama negara telah jatuh, maka kita amat terasa oleh sebab itu kita perlulah merancang satu rancangan jangka panjang di mana Kerajaan telah bercadang untuk merangka satu rancangan pelan induk industri negara di samping mempertingkatkan sektor pertanian. Ini adalah satu langkah yang wajar, yang perlu dijalankan. Selain daripada itu ialah dengan kaedah menarik seberapa banyak pelabur-pelabur asing ke negara kita. Salah satu faktor yang penting untuk menarik pelabur-pelabur dari luar negeri ialah kita perlukan sebuah Kerajaan yang stabil dan mantap. Alhamdulillah, menerusi pilihanraya pada 3hb Ogos yang lalu, rakyat negeri ini telah memahami tentang maksud dan hasrat Kerajaan untuk menubuhkan sebuah Kerajaan yang mantap dan stabil. Walaupun pihak Pembangkang DAP dan PAS telah bersungguh-sungguh berusaha dengan berbagai-bagai cara dan berbagai-bagai tipu-muslihat untuk mempengaruhi rakyat supaya tidak menyokong Kerajaan untuk mendapat majoriti 2/3 di Parlimen, tetapi rakyat lebih cerdik daripada DAP dan PAS. Mereka telah memberi sokongan yang kuat kepada Barisan Nasional dengan kemenangan 148

kerusi Parlimen, dengan 4/5 majoriti, bukan 2/3. Begitu juga dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, kita telah dapat lebih daripada 2/3, tetapi pihak DAP telah cuba mengelirukan dunia, seorang demi seorang pemimpin-pemimpin mereka telah menuduh bahawa kemenangan yang dicapai oleh Kerajaan itu adalah tidak demokratik. Umpamanya, wakil dari Tanjong, Ketua Pembangkang, mengatakan DAP mendapat 900,000 undi hanya dapat 24 kerusi, tetapi UMNO lebih kurang 1.4.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat!

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Saya tidak benarkan, masa tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud); Masa tidak cukup.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: 1.4juta.

Tuan Hu Sepang: On a point of order, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Peraturan berapa itu?

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: 1.4juta.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti dahulu, ada point of order.

Tuan Hu Sepang: Patutnya Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh berucap tengok kepada Tuan Yang di-Pertua, bukan kepada kita.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Saya tengok sana.

Tuan Hu Sepang: Nampaknya dia tengok saya (*Ketawa*), sebaptutnya tengok Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hu Sepang: Cuba tengok sana!

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tidak ada modal. Ini menunjukkan DAP bankrap politik.

Tuan Yang di-Pertua, mereka mengatakan UMNO mendapat 1.4 juta undi mendapat 83 kerusi Parlimen DAP 900,000 undi hanya dapat 24 kerusi Parlimen ini tidak ada demokratik.

Tuan Yangdi-Pertua.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Saya tidak izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Eng Seng Chai: Angka dia salah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti dahulu!

Dr Eng Seng Chai: 24 kerusi Parlimen!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan?

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: UMNO 83 buah kerusi apa salah?

Dr Eng Seng Chai: Bukan 90,000 undi.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: 900,000.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:dia pekak!

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Hendak apa?

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: 900,000.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Dr Eng Seng Chai: Dia tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri penjelasan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:ini tahi telinga banyak.

Tuan Yang di-Pertua, kita menjalankan pilihanraya ini mengikut sistem-sistem yang ada sekarang ini berdasarkan kawasan pengundi, bukan satu undi satu orang. Amalan ini sudah dijalankan sejak sebelum merdeka, sudah 30 tahun, dalam masa 30 tahun ini kalau DAP tidak boleh menyesuaikan.

Dr Eng Seng Chai: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Kalau DAP tidak boleh menyesuaikan, jalan yang ada pada mereka bubarkan DAP.

Tuan Hu Sepang: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Peraturan berapa?

Tuan Hu Sepang: Peraturan Mesyuarat 36(4).

Saya minta Tuan Yang di-Pertua buat satu ruling supaya Ahli Yang Berhormat itu berucap pandang Tuan Yang di-Pertua, jangan pandang kita. Ini sahaja.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
Tuan Yang di-Pertua, kita berjalan mengikut sistem.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, pandang saya.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
Sistem ini sudah berjalan sebanyak 8 kali pilihanraya dalam tempoh 30 tahun, DAP belum lagi dapat menyesuaikan dengan sistem ini, dia berkehendakkan satu undi bagi satu orang. Itu kita tidak terima, kalau tidak pandai menari, jangan kata tanah tinggi rendah (*Tepuk*) ataupun papan jongkang-jongkit. Cakaplah tidak tahu menari.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat!

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
Saya tidak benarkan, duduk dahulu!

Tuan Sim Kwang Yang: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
Ini tidak ada penjelasan, masa tidak cukup.

Tuan Sim Kwang Yang: Ingin saya cakap sabar sedikit sahaja, jangan excited begitu.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
Tuan Yang di-Pertua benarkan dia bercakap? Saya tidak izin, saya tidak beri jalan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak izin, okay, sabar sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):
Duduk, duduk!

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
Ini tabiat saya, bukan marah, cakap selalu kuat, ini sound 16 (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, mereka mengatakan ini tidak ada demokratik, mereka hendak satu undi satu orang. Yang kita jalankan sekarang ini, ibarat kata pepatah Melayu: Masuk kandang kambing mengembik; masuk kandang lembu berdeboh, tetapi DAP masuk kandang kambing berdeboh. Selepas itu, mereka kata suara mereka kuat, bukan soal kuat, itu bunyi lembu (*Ketawa*).

Tuan Hu Sepang: On a point of order, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):
Peraturan berapa?

Tuan Hu Sepang: Peraturan Mesyuarat 36 (4).

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
Ini pengacau.

Tuan Hu Sepang: Perkataan "biadap".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):
Perkataan apa itu?

Tuan Hu Sepang: Apa ini, kambing, lembu semua masuk (*Ketawa*) dalam Dewan ini?

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
Inilah buta bahasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):
Itu peribahasa.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
Sebab itu, suruh dia belajar lagi bahasa.

Tuan Hu Sepang: Ini bukan zoo, nampaknya banyak haiwan sudah masuk sini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Rasah!

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Yang bercakap itu haiwan atau apa? (*Ketawa*).

Tuan Hu Sepang: Saya minta ditarik balik.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hu Sepang: Buat satu ruling.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, dasar sistem pilihanraya yang ada hari ini—Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pula hari ini tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh, ada satu minit sahaja lagi saya beri, sudah lebih masa.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pula mengait-gaitkan kononnya 40% bukan Melayu, 30 Ahli Parlimen sahaja, ini sudah membabitkan perkauman pula, padahal sistem yang ada ini ialah untuk mementingkan rakyat, sesuai dengan sosio-budaya rakyat negeri ini. Umpamanya, kita ambil contoh di Sabah, Ahli Yang Berhormat Sabah ada di tepi saya ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Sarawak! (*Ketawa*).

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Minta maaf, yang salah saya minta maaf. Di Sabah ada 20 kawasan, tetapi jumlah pengundinya 420,746 orang, sedangkan di kawasan Wilayah Persekutuan ada 7 kawasan, pengundinya 473,640 orang, tetapi rakyat di kawasan Sabah ini patut 20 orang wakil dan di Wilayah Persekutuan patut 7 orang wakil sahaja, walaupun pengundinya lebih

kerana mereka tinggal sekelompok, sedangkan penduduk di Sabah bertaburan, dan di Sabah masih berkurangan di dalam serba serbi, tidak ada air, tidak ada jalan, wakil-wakil Sabah sering kali bercakap tidak ada air, api, jalan dan lam-lain, sedangkan di Wilayah Persekutuan semua sudah lengkap, mengapa perlu hendak banyak Wakil Rakyat? Maknanya perjuangan DAP itu ialah untuk kepentingan politiknya, bukan kepentingan rakyat (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat masa sudah habis.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Dengan itu, saya menyokong Belanjawan 1987 ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Jempol.

5.00 ptg.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus (Jempol): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Belanjawan 1987 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu adalah munasabah apabila diambil kira kedudukan ekonomi di dalam dan di luar negeri. Ianya patut disokong oleh rakyat yang berfikir waras dan mengutamakan kepentingan negara daripada kepentingan sendiri ataupun kumpulan.

Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan memperkukuhkan pungutan hasil dan mengurangkan defisit semasa. Namun demikian, saya suka menarik perhatian Kerajaan untuk meneliti akan implikasi dan kesan kenaikan faedah atas pinjaman perumahan dan kereta sebanyak 2% terhadap pekerja-pekerja kategori "C". Kumpulan ini khususnya akan kehilangan pendapatan dan

menjejaskan perbelanjaan sara hidup (consumers spending money). Langkah Kerajaan hendak mengurangkan pekerja sektor awam juga adalah wajar. Pada pandangan saya soal yang ada di hadapan kita ialah tentang bagaimana tenaga kerja itu digunakan dengan tepat, dengan izin, proper utilization of manpower. Are they proper people doing the proper job? Apa yang dipertukan ialah satu tenaga perkhidmatan yang dedicated dan menjadikan satu-satu kerja itu sebagai amanah dan amalan yang menyeronokkan untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara dan bukan bekerja semata-mata untuk hidup. Langkah Kerajaan hendak mengkaji kedudukan perwakilan kita di luar negeri juga wajar. Bilangan dan saiz itu tidak penting, yang penting ialah keberkesanan mereka menyusun kerja dan menggunakan tenaga kerja untuk menarik minat dan meyakinkan orang iuar negeri terhadap berbagai kegiatan sosial dan ekonomi yang boleh memajukan negara.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan pembangunan dua per tiga ke kawasan luar bandar adalah selaras dengan harapan rakyat yang begitu tinggi kepada Kerajaan, lebih-lebih lagi penekanan kepada sektor pertanian dan dapat membawa hasil yang lebih cepat. Namun demikian, peningkatan yang ada sekarang perlulah diperkembangkan. Ini bertujuan memastikan pulangan yang cepat. Usaha-usaha yang sedang ditumpukan untuk mengubah sikap petani daripada subsistence agriculture ataupun bertani secara tradisi kepada bertani secara perniagaan perlu dilipatgandakan. Faktor pemasaran hasil-hasil pertanian juga perlu penekanan supaya tidak melemah dan menawarkan selera petani-petani untuk berusaha. Penekanan utama juga hendaklah diberi ke arah mengurangkan tenaga kerja di kawasan pertanian yang tidak ekonomik dan cuba mengatasi masalah

gunatenaga yang tidak sepenuhnya di kawasan-kawasan luar bandar. Sistem Pertanian Bersepadu yang diamalkan sekarang perlu mengambil kira aspek-aspek ini.

Usaha-usaha memajukan industri berasaskan pertanian adalah langkah yang seharusnya telah lama diambil oleh Kerajaan. Sehingga ini sektor ini telah tidak diberikan penekanan yang sewajarnya di tengah-tengah keghairahan kita membangunkan negara melalui industri pembuatan, perkilangan dan teknologi. Peruntukan sebanyak \$232 juta itu bagi usaha-usaha ini sungguh menggalakkan. Dengan itu juga jentera penggerak bagi melaksanakan rancangan ini perlu diselaraskan. Pembangunan sektor pertanian dijangka akan dapat memainkan peranan paling utama di dalam menstabilkan keadaan ekonomi luar bandar dan seterusnya mempertahankan dan mengurangkan tahap kemiskinan di kalangan masyarakat luar bandar. Cadangan pembukaan kawasan baharu akan menggunakan lebih tenaga kerja yang ada di kawasan-kawasan luar bandar ke arah usaha-usaha ekonomi yang produktif. Saya yakin langkah Kerajaan untuk menempatkan 600,000 keluarga menyertai rancangan-rancangan FELDA akan menambahkan peluang pekerjaan yang lebih banyak lagi.

Harapan Kerajaan supaya sektor swasta mengambil alih pembinaan 80,000 unit rumah kos rendah setahun di antara tahun 1986 hingga 1988 perlulah diberikan sedikit galakan. Pemaju-pemaju perumahan pada umumnya masih lagi berhati-hati untuk menyambut seruan ini. Kepada satu-satu pemaju kos tanah dan infrastruktur mungkin merupakan kos utama di dalam projek-projek pembangunan perumahan. Dengan itu, Kerajaan harus mendalami

keadaan ini dan unsur-unsur perbelanjaan supaya ianya dapat dikurangkan.

Agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan juga hendaklah betul-betul membantu kepada pelabur yang hendak melabur. Halangan-halangan birokrasi perlu dikurangkan seberapa yang boleh. Mana-mana peraturan yang kurang perlu dan boleh melambatkan-lambatkan satu-satu keputusan perlulah diketepikan. Kalau tidak, rintangan-rintangan demikian boleh menimbulkan kurang minat pelabur untuk melabur.

Tuan Yang di-Pertua, kita bertanggungjawab untuk memajukan rakyat yang miskin. Sebarang langkah yang diambil hendaklah mengambil kira kesan-kesan positif dan negatifnya. Usaha-usaha pembangunan material mesti diseimbangkan dengan pembangunan mental, jasad dan kerohanian. Kesimpulannya kita juga perlu menekankan soal, dengan izin, the development of man dalam proses pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan politik merupakan satu-satunya pengaruh dan pendorong yang kuat ke arah kestabilan ekonomi. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menekankan agar semua lapisan rakyat mengembeling tenaga bersama-sama memulihkan ekonomi negara. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, seruan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu ibarat kata perumpamaan Melayu seperti mencurahkan air di daun keladi kepada setengah-setengah pemimpin politik dan kesatuan sekerja.

Ucapan Yang Berhormat dari Tanjong merupakan satu ucapan dan pandangan yang negatif dan kurang berfaedah. Ucapan beliau didorong oleh kepentingan-kepentingan politik yang sempit untuk menagih stmpati dan pengaruh di atas kekeliruan

rakyat. Membuat andaian-andaian yang tidak tepat, putar-belit dan memainkan perasaan rakyat supaya meragui Kerajaan. Oleh itu, dari faktor-faktor yang saya katakan tadi, saya tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 36. Saya harap Yang Berhormat tidak mengeluarkan sangkaan jahat. Saya harap Yang Berhormat boleh patuhlah Tatatertib Dewan ini dan tidak bertindak terlampau, semacam bercakap terlampau.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya boleh tunjukkan dalam Penyata Rasmi bertarikh 27hb Oktober ini, mukasurat berapa, paragraph berapa dan line berapa, Yang Berhormat dari Tanjong telah melemparkan berbagai-bagai andaian dan tomahan kepada Kerajaan, kepada setengah-setengah Menteri di sepanjang ucapan yang telah beliau sampaikan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya cabar, tunjukkan!

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Boleh. I can take you point by point.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sekarang boleh. Pandangan negatif kurang berfaedah. Yang Berhormat itu ada tidak Penyata Rasmi ini?

Tuan Lim Kit Siang: Baca, baca!

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Okay. Mukasurat 40, paragraph 2, tengok!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat teruskan, jangan cabar-cabar. Masa tidak banyak.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Undur boleh, kalau takut boleh.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya tidak takut. Apa mahu takut?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak takut sebut, sebut!

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kepentingan politik yang sempit, tagih simpati pengaruh rakyat. Mukasurat 40.

Tuan Lim Kit Siang: Mana itu? Takut sahaja!

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Mukasurat 42 dan 58, para 1, para 2, tengok!

Tuan Lim Kit Siang: Baca!

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Apa saya bikin baca, you bacalah, you tidak ada buku inikah? You don't have this one? You read!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Jangan kacau.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu asas, mahu substantiate.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, cuba keluarkan ucapan dengan keadaan yang¹ tenang.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bertenang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau semuanya bertenang, senang Tuan Speaker menjalankan urusan.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tidak ada masalah. I can show you, my dear friend, come!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, on a point of clarification.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya tidak izinkan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa tidak banyak lagi.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ya. Itu saya hendak terus pergi. Oleh itu. . . .

Tuan Lim Kit Siang: On point of order 36 (6) tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya sudah tidak izinkan. Sudahlah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak berikan bukti-bukti. Saya tunggu bukti-bukti. Di sini bukan exhibition. Tunjukkan apa, baca.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya tidak izinkan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan. Yang Berhormat, (Kepada Tuan Lim Kit Siang) jangan kacau.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Dia cabar saya. Saya boleh buka buku *Penyata Rasmi*, tengok

mukasurat berapa, paragraph berapa, baris berapa. Apa lagi hendak!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: *(Menyampuk)*

Tuan Hu Sepang: Untuk penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, please my dear friend. Duduklah, Laillaha-illallah. Tuan Yang di-Pertua, kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh segelintir pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja juga boleh mengelirukan. Mereka sepatutnya meneliti hakikat sebenar sebelum melenting dengan tidak menentu. Jentera dan saluran yang ada sepatutnya digunakan untuk merundingkan kebaikan dan kepentingan pekerja bukan hendak berkonfrantasi dengan Kerajaan.

Akhir sekali, kedatangan seorang pemimpin Barisan Nasional yang juga menjadi seorang Menteri Kabinet telah bertindak berlawanan dengan semangat kestabilan politik dan perpaduan negara. Beliau ialah Yang Berhormat Menteri Buruh *(Tepuk)*. Tindak-tanduk dan tingkah-laku beliau sungguh malang dan mengecewakan. Bermula dengan soal perlantikan 2 M.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 36 (6) seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat. Ini sangkaan jahat kepada Yang Berhormat Menteri Buruh. MCA takut timbul, kita timbulkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Jempol

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tindak tanduk dan tingkah laku beliau.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Jempol, oleh kerana telah diminta ruling, saya tidak mahu lagi Yang Berhormat sebut berkenaan dengan sangkaan jahat kepada seorang ahli lain menurut Peraturan Mesyuarat 36 (6). Teruskan ucapan.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan ucapan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ini ada hubung kaitnya dengan soal kestabilan politik yang kita hendak bina ekonomi ini. Apa pula sangkaan, jahatnya. Statement of facts yang saya hendak buat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, bermula dengan soal perlantikan dua orang Timbalan Perdana Menteri membawa kepada Dasar Ekonomi Baru dan sekarang tentang kedudukan pribumi. Tindak tanduk beliau juga berlawanan dengan semangat Kepimpinan Melalui Teladan. Beliau telah gagal mengawal perasaan diri dan pengikut-pengikut setianya. Oleh itu Yang Berhormat Menteri Buruh mempunyai dua pilihan sahaja. Pertama, meletakkan iawatan. Kedua, saya dengan penuh rendah diri meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menimbangkan supaya Yang Berhormat Menteri Buruh dipecat dari Kabinet *(Tepuk)* sejajar dengan seruan Yang Berhormat Menteri Kewangan agar kita bersatu padu menghapuskan segala anasir yang cuba mengancam kestabilan negara supaya kita semua dapat bersama-sama menikmati kekayaan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong *(Tepuk)*.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Tuan Ng Cheng Kuai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat dari Kapit.

5.03 ptg,

Tuan James Jimbun Anak Punga (Kapit): Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan bagi tahun 1987, telah menggambarkan dan memberi kesedaran kepada kita bahawa pendapatan negara sekarang sedang menghadapi masa yang begitu rumit. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan perbelanjaan negara kita kepada \$3.4 bilion atau 11% adalah satu langkah yang positif dan tepat. Kita bersidang dalam Dewan yang mulia ini di bawah bayangan pendapatan negara yang kian berkurangan dan kepastian potongan perbelanjaan dalam menguruskan negara kita ini. Maknanya kita warganegara Malaysia haruslah mendesak diri kita supaya berteguh dalam menghadapi masa depan yang rumit. Tidak pernah dalam sejarah negara kita ini terdapat ekonominya dalam keadaan yang amat tegang seperti sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tiada sesuatu pun yang lebih penting bagi kita dalam menghadapi cabaran sedemikian daripada keperluan untuk membina satu ekonomi yang benar-benar kukuh yang tidak senang diancaman oleh ketidakstabilan perdagangan antarabangsa. Dengan ini maksud saya, kita harus sekarang juga memberi tumpuan kepada peningkatan pengeluaran sebagai sesuatu keutamaan negara. Kita harus kembali kepada tanah dan desa, mengerjakan tanah kita untuk keperluan sendiri. Meningkatkan kepercayaan kepada diri dan mengurangkan penggantungan kepada import. Telah terlalu lama kita

meninggalkan tanah kita yang luas itu terbiar sahaja. Kita tidak mampu membiarkan tanah kita. Setiap tapak tanah mestilah diusahakan untuk keperluan makanan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti merumuskan pelan yang baru untuk menggalakkan inisiatif individu dalam sektor pertanian. Marilah kita dalam kawasan rumah/bandar kita menanam sayur-sayuran bersampingan dengan bunga-bunga. Janganlah kita membazirkan apa sahaja tanah yang subur yang kita miliki barang sedikit pun untuk mengeluarkan makanan yang diperlukan. Pencapaian Pembekalan beras, bahan makanan utama kita yang cukup untuk keperluan kita sendiri haruslah menjadi matlamat utama kita untuk menghapuskan pergantungan kita kepada import dan dengan itu menjimatkan pertukaran asing. Saya sebagai salah seorang Ahli Wakil Rakyat daripada kawasan pendalaman amat berasa gembira bahawa peruntukan Perbelanjaan negara bagi tahun 1987 ditumpu khas untuk pembangunan di luar bandar terutama sekali dalam bidang pertanian dan pembangunan tanah. Saya sekali lagi meminta Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah akan memberi peruntukan jumlah Perbelanjaan yang bersesuaian kepada pembangunan di luar bandar terutama sekali di kawasan pendalaman khususnya di Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi sekarang, Kerajaan patut mengambil satu strategi yang agresif untuk mencapai daya pengeluaran yang tinggi dan pencukupan keperluan negara. Saya kurang pasti bahawa berbagai rancangan Kerajaan telah membawa kesan faedah yang besar kepada kehidupan masyarakat petani kita. Dalam pandangan kasar sekurang-kurangnya dalam kalangan kaum Iban di Sarawak, tidak ada kemajuan fizikal yang besar.

Sebilangan besar daipada kaum Dayak masih lagi kebelakangan. Penuntutan kaum Dayak luar bandar untuk kemudahan asas masih berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat beberapa faktor dalam perbelanjaan negara yang boleh dan harus dipotong (untuk mengelakkan pembaziran), satu sektor khas mesti dielakkan dari potongan. Ini adalah sektor kesihatan awam. Khasnya Perkhidmatan Kesihatan harus dibawa lebih dekat lagi kepada penduduk-penduduk di pertebingan Batang Rajang, Balleh dan Belaga. Rumah Sakit Kapit kini begitu penuh dan keperluan untuk menambah lagi wad-wad bagi pesakit dalam amatlah penting. Pembinaan sebuah Rumah Sakit Daerah Song di Bahagian Ketujuh Sarawak amat diperlukan. Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Kesihatan akan memberi tindakan dengan secepat yang mungkin. Perkara ini seringkali dikemukakan dan akan dikemukakan di Dewan yang mulia ini sampai peruntukannya dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan saya kesihatan penduduk-penduduk adalah satu syarat mutlak bagi penyampaian daya pengeluaran yang tinggi. Rakyat jelata yang kurang sehat tidak dapat bekerja. Dari itu, perlu saya tekankan bahawa perkembangan dan peningkatan mutu perkhidmatan perubatan dan kesihatan amatlah penting dan ianya tidak patut mengalami kesan buruk dari potongan Belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan secara maksima sumber tenaga manusia mestilah diperseimbangkan dalam usaha kita di masa kini di mana pengangguran yang serius bukanlah ianya satu prospek tetapi satu kepastian di masa depan. Kalau kita boleh menimbulkan aktiviti-aktiviti yang dapat menggunakan sebanyak-banyak yang boleh sumber semula jadi

kita, maka kita mempunyai harapan untuk mengekalkan pekerjaan dan mengurangkan risiko prospek masalah sosial yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum negara kita ini menghadapi kesempitan kewangan negara. Sikap berjimat cermat mestilah diamalkan oleh semua. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan elaun yang dinikmati oleh ahli-ahli jemaah Menteri, Timbalan Menteri, Pegawai Kanan Kerajaan adalah sikap dan teladan yang boleh dibanggakan sebagai satu pengorbanan dalam negara menghadapi masalah kemelesetan ekonomi sekarang. Di masa seperti sekarang pemimpin-pemimpin kita yang sekarang mendesak rakyat untuk bekerja kuat dan berjimat cermat tentulah diperhatikan untuk sikap dan teladan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita memikirkan untuk membuang para pekerja-pekerja dalam sektor awam kita mesti telitikan inflasi, langkah demikian atas pengangguran. Daripada membuang kerja dan potong gaji, saya mengesyorkan kita membeku pekerjaan dan menahan kenaikan gaji sekurang-kurangnya buat sementara waktu sampai kepada ekonomi negara kita pulih semula. Saya juga ingin mengingatkan kepada pihak Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan harian bagi menjamin kepada pengguna-pengguna. Saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan akan sentiasa mengawasi pekedai-pekedai yang sengaja mengambil kesempatan untuk menaikkan harga-harga barang yang terkawal khasnya di luar bandar Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam catatan, Malaysia mungkin mempunyai "ratio" pekerja awam kepada jumlah penduduk yang paling tinggi. Berasaskan jumlah pekerja

awam kita sekarang melingkungi 870,000, ini bermakna seorang pekerja awam bagi setiap 17 penduduk. Pembekuan pengambilan pekerja baru tentu boleh sedikit-sedikit memulihkan keadaan dan mengurangkan perbelanjaan seterusnya. Dengan komen-komen ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan bagi tahun 1987.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud); Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi, saya beri 10 minit.

5.20 ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): Tuan Yang di-Pertua, ucapan Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan telah menunjukkan bahawa Barisan Nasional selepas memenangi semula Pilihanraya Umum baru-baru ini, masih gagal mempersembahkan apa-apa penyelesaian yang terbaik kepada krisis ekonomi yang semakin buruk sekarang yang melanda negara. Berbanding dengan Belanjawan 1986, Belanjawan tahun depan akan mengurangkan perbelanjaan operasi sebanyak 11% menjadi \$3.4 billion, akan tetapi ini satu soalan yang besar sama ada langkah jimat cermat akan berupaya mengatasi defisit imbangan pembayaran yang semakin bertambah itu.

Tanda-tanda prestasi yang buruk yang ditunjukkan oleh ekonomi negara sebagaimana yang diterangkan oleh Menteri Kewangan dengan memberikan angka dan fakta yang ramalan pesimis tentang ekonomi negara pada masa depan tidak mendatangkan apa-apa kebaikan kepada rakyat tetapi menambahkan lagi perasaan takut dan tidak terjamin. Sejak dua tahun kebelakangan ini, keyakinan rakyat semakin merosot kerana prestasi ekonomi yang teruk

dan cara Kerajaan mengendalikan masalah ekonomi negara. Ini menunjukkan bahawa krisis keyakinan akan bertambah buruk terutama memandangkan hakikat bahawa Kerajaan sendiri mengakui kurang yakin untuk mengatasi situasi ekonomi yang kurang menyenangkan ini.

Negara kita sekarang sedang menghadapi krisis ekonomi. Izinkan saya memberi satu bukti di sini. Pendapatan per kapita untuk rakyat Malaysia telah jatuh dengan merosot sekali dalam tahun-tahun kebelakangan ini iaitu 5.7% dalam tahun 1985 dan sebanyak 10.6% dalam tahun ini dan dijangka 2.5% pada tahun depan. Dalam bentuk ringgit Malaysia, purata pendapatan setiap orang dalam tahun ini adalah \$4,094 iaitu 16% kurang daripada tahun 1984. Adalah dijangka bahawa pendapatan per kapita akan merosot menjadi \$3,993 dalam tahun 1987. Langkah-langkah tertentu yang dicadangkan oleh Belanjawan seperti menyemak semula skim buku pinjaman dan meninggikan fee rawatan pesakit luar, akan memberikan kesan yang buruk kepada golongan berpendapatan kecil.

Mereka yang sekarang bimbang tentang kemungkinan kenaikan bayaran perkhidmatan di berbagai Jabatan Kerajaan dalam pengurangan kos buruh dalam bulan-bulan yang akan datang sama ada dalam sektor awam atau swasta.

Tuan Yang di-Pertua, jika rakyat Malaysia tidak boleh bersatu-padu, sebanyak mana kita berbuat untuk mencapai keamanan, kestabilan dan kemakmuran ekonomi untuk tempoh selama 29 tahun lalu, sejak merdeka akan menjadi sia-sia belaka, kerana jika perpaduan nasional tidak boleh diwujudkan maka hasil kemajuan dan pembangunan ekonomi tidak boleh dinikmati untuk jangka masa yang lama.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Di bawah keadaan ekonomi yang semakin teruk sekarang, hanya jika rakyat Malaysia bersatu-padu dengan kukuh untuk bekerjasama bagi membangunkan negara, maka ekonomi negara boleh diharapkan untuk membolehkan dan dipastikan setiap rakyat menikmati kemajuan ekonomi. Bagi mengekalkan keyakinan rakyat ke arah memperkuat ekonomi negara dengan mewujudkan iklim dan suasana pelaburan yang baik dalam saat negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi, apa yang Kerajaan patut berbuat ialah mengambil langkah-langkah untuk memperbetulkan semua dasar yang menyebabkan perpecahan dan krisis keyakinan di kalangan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran) Ahli Yang Berhormat, ada 5 minit lagi.

Tuan Tan Kok Wai: Pada pendapat saya, sebagaimana yang jelas kepada mereka yang mengambil berat perkara ini, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sehingga ini hanyalah menyebabkan polarisasi kaum dan penghalang integrasi nasional. Adalah tidak diragukan bahawa selepas 16 tahun pelaksanaannya, DEB telah dikenali sebagai penghalang terbesar perpaduan negara. Walaupun objektif murni DEB ialah dalam pelaksanaannya tidak ada golongan yang akan mengalami hak-hak keistimewaan, pendapatan, pekerjaan dan peluang-peluang mereka diketepikan atau disekat, akan tetapi dengan pembahagian warganegara kepada dua golongan iaitu bumiputera dan bukan bumiputera dan amalan-amalan yang bersifat tidak adil, dengan izin, *rob Peter to pay Paul*, dalam bidang ekonomi, pelajaran dan peluang-peluang pekerjaan telah

menyebabkan perasaan putus asa atau kecewa semakin meluas serta juga menimbulkan rasa benci dan tidak terjamin di kalangan rakyat Malaysia bukan Bumiputera.

Saya ingin menyentuh khusus berkenaan dengan DEB dalam Dewan yang mulia ini, bukan kerana ianya menjadi topik yang panas yang dibincangkan dalam sidang Dewan Rakyat sekarang ini tetapi kerana kelantangan seruan yang meminta supaya DEB ini dilanjutkan. Para pemimpin UMNO telah juga mengumumkan bahawa DEB hendaklah diteruskan atau diperjuangkan selepas tahun 1990. Selepas pelaksanaannya bermula pada awal tahun 1970an, cara pelaksanaan DEB dalam banyak hal telah mengeneipkan hakikat yang Malaysia ini adalah sebuah negara yang rakyatnya terdiri dari berbagai kaum.

Perkara yang penting dalam pelaksanaan sesuatu dasar yang diasaskan di atas prinsip keadilan dan kesaksamaan ialah untuk mengelakkan dari anggapan buruk atau prasangka bagi faedah sesuatu kaum itu sendiri. Jika perasaan tidak puas hati ataupun prasangka oleh sesuatu kaum kepada Kerajaan, baik di kalangan orang Melayu ataupun masyarakat bukan Melayu, masih terus menguasai kehidupan sesuatu kaum itu, maka Kerajaan mestilah mengambil langkah-langkah tegas untuk menghapuskan perasaan itu.

Kami dalam DAP ingin menegaskan kepada Kerajaan Barisan Nasional bahawa rakyat Malaysia bukan bumiputera adalah menyokong penuh apa juga langkah atau tindakan Kerajaan kerana untuk meninggikan atau memperbaiki kehidupan orang Melayu yang mundur dari segi ekonomi, tetapi mereka yang tidak ingin hak mereka di segi Perlembagaan diketepi atau dinafikan dalam usaha Kerajaan

berbuat sesuatu untuk membantu golongan Melayu yang terkebelakang.

DAP dengan semangat dan tujuan untuk menyegerakan pengujudan perpaduan nasional, di samping memberikan kesejahteraan semua rakyat Malaysia, kami telah banyak kali menyarankan dalam Dewan ini supaya ditubuhkan sebuah Suruhanjaya mengenai DEB bagi mengkaji dan membuat pertimbangan ke atas aduan-aduan yang menyentuh tentang penyelewengan DEB dari tujuan asalnya.

Saya merasa dukacita bahawa cadangan yang membina ini telah ditolak. Di dalam Dewan yang mulia ini Ahli-ahli DAP telah membuat seruan yang bersungguh-sungguh kepada Kerajaan demi kepentingan perpaduan nasional dan pencapaian matlamat DEB, Kerajaan mestilah bersedia mengakui dan memperbaiki semua kelemahan dan kesilapan yang pernah dilakukan dalam melaksanakan DEB. Akan tetapi semua nasihat kami itu telah dikecam hebat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari UMNO yang mana mereka banyak menggunakan emosi dari menggunakan akal fikiran yang waras. Dengan ikhlas saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat UMNO.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Tan Kok Wai: Saya tidak gemar diganggu, sebab masa saya adalah emas.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Tidak, on a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat nombor berapa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: 36 (10) rnenimbulkan perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan kuasa Kerajaan, dan juga (c) perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati.

Saya nampak ucapan daripada Ahli Yang Berhormat itu jelas memperlihatkan bahawa wujud sakit hati di kalangan kaum dengan cara merendah-rendahkan Dasar Ekonomi Baru dan juga merendah-rendahkan apa yang telah diusahakan oleh Kerajaan. Saya harap ucapan itu tidak dilanjutkan lagi sedemikian rupa. Itu amaran!

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju apa yang dikata atau disebut oleh Yang Berhormat itu, sebab apa yang saya cakap ialah hakikat yang sebenarnya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Tuan Yang di-Pertua, apa hakikatnya kalau.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat! Yang Berhormat teruskan.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat dari UMNO supaya jangan mengamalkan sikap buruk kepada cadangan membina negara kita untuk kebaikan negara ini. Izinkan saya menasihatkan atau mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat dari UMNO, dasar-dasar Kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru jika pada akhirnya akan memecahbelahkan negara ini maka mereka inilah akan menjadi musuh negara yang sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila akhiri.

Tuan Tan Kok Wai: Okay, saya gulung. Saya harap.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudahlah, dia hendak akhiri.

Tuan Tan Kok Wai: Tidak beri laluan, minta maaf.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Kenapa tidak beri laluan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak beri laluan, duduk Yang Berhormat!

Tuan Tan Kok Wai: Saya harap semua Ahli Yang Berhormat dari UMNO supaya berdisiplin dan berhenti mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang boleh merosakkan hubungan antara kaum di negara ini. Mereka tidak seharusnya menggunakan DEB sebagai modal atau alat politik bagi mencapai kepentingan politik mereka yang tamak itu. Apa yang mereka perlu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Tan Kok Wai: Yang Berhormat tidak faham Bahasa Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini DAP bercakap macam buta bahasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Tan Kok Wai: Apa bahasa itu?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Bahasa Melayulah!

Tuan Tan Kok Wai: UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk! Semua Yang Berhormat duduk, masa sudah cukup. Yang Berhormat-Berhormat, sebelum saya jemput Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab, saya minta Yang Berhormat Menteri-menteri sejauh mana mungkin ringkaskanlah jawapan-jawapan. Yang pertama, Yang Berhormat Menteri Kewangan.

5.34 ptg.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan, teguran-teguran serta juga cadangan-cadangan terhadap Belanjawan 1987, Saya mengambil kesempatan di sini untuk memberi penjelasan ke atas beberapa perkara utama yang dibangkitkan semasa perbahasan Belanjawan 1987 di Dewan yang mulia ini.

Pada umumnya, Belanjawan 1987 telah diterima baik oleh pelbagai pihak. Seperti biasa ada pihak yang mengkritik tanpa memberikan pilihan lain atau cadangan bagi mengatasi masalah ekonomi yang kita hadapi sekarang. Mereka sengaja lupa tentang perlunya Kerajaan mengambil tangkai-langkah tegas dan berani dalam menghadapi masalah-masalah yang kita hadapi sekarang.

Beberapa Ahli Yang Berhormat membangkitkan soal-soal berkaitan dengan prestasi ekonomi Malaysia. Seperti yang saya maklumkan di dalam ucapan Belanjawan, ekonomi negara dalam tahun 1986 dijangka berkembang pada kadar 0.5% sahaja. Bagi tahun 1987, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka bertambah baik sedikit dari prestasi tahun 1986, iaitu sebanyak 1%. Anggaran ini adalah dibuat dengan berhati-hati, setelah mengambil kira perkembangan

ekonomi dunia, khususnya perkembangan harga-harga barangan utama yang menjadi eksport utama negara kita. Berdasarkan keadaan ekonomi antarabangsa yang dijangka pada masa ini, Kerajaan yakin bahawa ramalan ini adalah amat munasabah. Walau bagaimanapun, perkembangan-perkembangan ini akan dikesani dengan rapi, dan berterusan supaya tindakan penyesuaian yang sewajarnya dapat diambil untuk memperkukuhkan ekonomi negara kita.

Dalam menghadapi keadaan sekarang, kita memerlukan pengorbanan dari setiap pihak. Jika kita semua sanggup membuat pengorbanan dan tidak sengaja menimbulkan halangan tertentu demi kepentingan politik yang sempit, Kerajaan percaya kita akan berjaya mengatasi masalah-masalah ini. Malangnya ada dari kalangan Pembangkang yang tidak menghiraukan langsung tentang kepentingan negara. Kita memerlukan satu Pembangkang yang lebih bertanggungjawab di negara ini, iaitu Pembangkang yang mengenyepikan kepentingan politik mereka yang sempit dan memberikan sokongan sepenuhnya terhadap usaha-usaha memulihkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang ada menyentuh anggaran kadar pertumbuhan tahun 1985 dan 1986. Saya mengakui anggaran yang dibuat telah tidak tercapai. Tetapi tuduhan bahawa anggaran-anggaran dibuat kerana hendak menang pilihanraya, adalah tidak berasas. Anggaran-anggaran ini dibuat berasaskan prestasi ekonomi dunia. Adalah mustahil bagi Kerajaan untuk meramalkan dengan tepat kejatuhan harga barangan utama, terutama sekali harga minyak mentah, ataupun pergerakan kadar pertukaran nilai matawang asing. Anggaran-anggaran yang dibuat perlu dikaji dari

masa ke semasa, itulah sebabnya ini dipanggil anggaran.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak sanggup bermain politik dalam isu-isu ekonomi, tuduhan bahawa Kerajaan bermain politik dalam soal ekonomi adalah tuduhan yang sungguh-sungguh tidak bertanggungjawab. Saya harap pihak Pembangkang tidak mempolitikkan isu-isu ekonomi, dan sebaliknya membantu Kerajaan di dalam usaha memulihkan ekonomi negara. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa Belanjawan 1987 adalah Belanjawan lepas pilihanraya. Bagi mereka ini, nampaknya apa sahaja yang kita buat tidak kena. Mereka tidak setuju dengan apa jua yang dilakukan oleh Kerajaan. Tahun lepas mereka menyifatkan Belanjawan sebagai Belanjawan Pilihanraya. Kepada mereka yang belum tahu, saya ingin menekankan bahawa Belanjawan dirangka untuk memberi faedah kepada setiap golongan rakyat, dan bukan untuk kepentingan-kepentingan tertentu sahaja. Beberapa Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang telah menimbulkan soal krisis keyakinan. Seperti yang telah saya tekankan, tidak ada krisis keyakinan di dalam negara ini. Krisis keyakinan ini sengaja diadakan oleh pihak Pembangkang.

Tindakan DAP mengada-adakan dan menimbulkan perkara yang tidak wujud, serta sengaja membesar-besarkan perkara kecil, adalah merbahaya, dan dengan izin, counter productive terhadap usaha-usaha Kerajaan mengukuhkan ekonomi.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Daim Zainuddin: Boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, DAP tidak payah, tidak perlu membangkitkan krisis keyakinan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, minta penjelasankah?

Dr Tan Seng Giaw: Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat mengetahui bahawa krisis keyakinan ini terdapat di merata-rata tempat kerana kurang kecekapan, kurang keamanahan dan kurang kebersihan. Itulah hakikatnya, boleh dilihat, tidak payah DAP bangkitkan, itulah satu krisis. (*Tepuk*)

Tuan Daim Zainuddin: Malangnya perkara ini telah dibangkitkan di merata-rata tempat oleh pihak DAP. Di mana-mana mereka bersyarah, soalnya yang dibangkitkan ialah soal krisis keyakinan. Kerajaan tidak ada krisis keyakinan.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai krisis keyakinan, tidakkah Yang Berhormat Menteri Kewangan mengikuti ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Perhimpunan Agung UMNO pada bulan September, di mana beliau sendiri mengakui bahawa adalah satu krisis keyakinan yang menyebabkan Kerajaan mengadakan satu pilihanraya besar. Ini bukan perkataan saya, dan masalahnya ialah sama ada krisis keyakinan ini ada diteruskan, sungguhpun ada kemenangan besar Barisan Nasional atau tidak, bukan ada tidak ada krisis keyakinan. (*Tepuk*)

Tuan Daim Zainuddin: Kita telah menang dalam pilihanraya dengan undi yang besar. Jadi soal krisis keyakinan tidak berbangkit. Dalam Barisan Nasional, soal krisis keyakinan tidak

ada. Sebenarnya kalau ada mungkin di dalam DAP (*Tepuk*). Kita penuh percaya kepada Ahli-ahli Barisan Nasional, dan kita tidak ada krisis keyakinan, sebaliknya kita percaya di dalam DAP mungkin ada krisis keyakinan terhadap ahli-ahlinya, kerana telah pun memilih seorang yang telah berhenti dari parti lain untuk masuk kepada partinya (*Tepuk*). Sekiranya tidak ada krisis keyakinan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Daim Zainuddin: Ada lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat tadi ada dengar, dia bukan pekak, dia boleh dengar, baru-baru ini sahaja ada Ahli dari pihak Barisan Nasional, ahli UMNO yang membidas MCA yang menyeru supaya dipecat seorang Menteri. Itu satu krisis juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu krisis lain Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Krisis lain pula! (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk! Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri Kewangan, bahasa itu bahasa "tokpek" Kelantan, yang digunakan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Daim Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebut

tadi, Barisan Nasional penuh keyakinan kepada ahli-ahlinya. Jadi, tidak perlulah bawa orang luar masuk ke dalam parti, berikan kedudukan dan selepas itu baru memikir tentang pindaan perlembagaan. Jadi, kita tidak perlu memindahkan perlembagaan kita kerana kita penuh yakin kepada ahli-ahli kita, jadi tidak ada krisis dalam parti (*Tepuk*). Oleh itu, saya menyeru mereka supaya membuktikan kesetiaan kepada negara dengan membantu usaha-usaha Kerajaan membawa kemajuan lebih besar kepada rakyat. Bagi pihak Kerajaan.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Tuan Daim Zainuddin: Ada lagi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau Yang Berhormat tidak suka, tak payahlah!

Tuan Daim Zainuddin: Tak apa, tak apa, saya beri. (*Ketawa*)

Tuan Hu Sepang: Memang suka, mana tak suka. Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak tahu apakah salahnya jika kita memanggil orang mempunyai fikiran yang sama menyertai DAP. Menurut pandangan saya, adalah' lebih teruk untuk UMNO memanggil ramai-ramai masuk Barisan Nasional sehingga seluruh Malaysia semua panggil masuk Barisan Nasional. Itu lagi teruk.

Tuan Daim Zainuddin: Kita cuma panggil yang baik-baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D, P. Vijandran): Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan, janganlah menggunakan peluang "minta penjelasan" untuk buat komen-komen. Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Daim Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan, saya telah menyatakan kami berfikiran terbuka dan bertanggungjawab penuh

di atas segala tindakan yang dibuat. Hanya dengan memberi kenyataan yang benar sahaja yang dapat membolehkan rakyat membuat keputusan, dan membezakan antara perkara yang benar dan khabar angin atau palsu. Kerajaan sentiasa mengemukakan kebenaran dan sentiasa berani berterus-terang. Oleh itu, saya merasa hairan terhadap tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada Kerajaan oleh Ketua Pembangkang bahawa banyak hal-hal berkaitan dengan kedudukan ekonomi dirahsiakan.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang banyak menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat pada tahun ini ialah kenaikan dalam kadar faedah pinjaman perumahan. Saya juga menerima banyak rayuan dari kakitangan Kerajaan yang tidak bersetuju dengan kenaikan itu.

Saya ingin menekankan bahawa langkah ini perlu demi mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Dalam keadaan sekarang, semua pihak mestilah sanggup berkorban. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga ini Kerajaan telah meluluskan 180,000 pinjaman perumahan yang berjumlah kira-kira \$10,000 juta. Sebelum ini pinjaman dikenakan faedah sebanyak 4%. Jika dibandingkan dengan kadar faedah yang dikenakan oleh institusi kewangan, katakan sebanyak 11%, jumlah subsidi oleh Kerajaan tiap-tiap tahun ialah \$700 juta. Ini adalah jumlah yang besar dan dalam keadaan sekarang, Kerajaan tidak mampu meneruskan subsidi ini.

Kenaikan kadar faedah bukan bermakna kita tidak menghargai sumbangan kakitangan Kerajaan kepada negara. Kerajaan sedar mereka memberi banyak sumbangan kepada negara. Kita tidak akan mencapai tahap kemajuan sekarang jika tidak

kerana pentadbiran yang baik dan berkesan. Tetapi semasa negara menghadapi masalah kewangan, semua pihak di negara ini, baik Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, kakitangan Kerajaan perlu berbelanja mengikut kemampuan masing-masing dan berjimat cermat. Walau bagaimanapun. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Kenaikan faedah untuk pinjaman, khususnya perumahan, saya percaya Yang Berhormat Menteri sedar bahawa untuk golongan "C" kenaikan faedah ini akan menimbulkan kesukasan yang teruk di mana orang yang mendapat "take home pay" selepas, dengan izin, "deduction" dengan \$500, \$600 akan dapat \$250 atau \$300 sahaja. Adakah Yang Berhormat Menteri berhasrat bahawa mereka dalam golongan ini jualan rumah-rumah mereka dan menjadi "homeless"? Apakah tindakan atau langkah Kerajaan ada supaya golongan dalam ini boleh dibantu?

Tuan Daim Zainuddin: Saya harap Yang Berhormat dari Tanjong akan bersabar sekejap, saya akan memberi jawapan.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Perua, menyedari beban tambahan yang akan ditanggung oleh kakitangan Kumpulan C, Kerajaan telah mengambil keputusan supaya kadar pinjaman perumahan bagi mereka dinaikkan kepada 5% sahaja, dan tidak kepada 6% (*Tepuk*). Pesara-pesara juga akan dikenakan kadar faedah sebanyak 5%. Bagi Kumpulan A dan B, kadar faedah bagi pinjaman perumahan dikekalkan pada paras 6%. Ini menunjukkan Kerajaan sensitif terhadap syor dan teguran daripada rakyat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Dengan langkah ini, Kerajaan akan mengorbankan hasil sebanyak kira-kira \$45 juta setahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diterangkan dalam Ucapan Belanjawan, adalah perlu sebarang kenaikan gaji dikaitkan dengan peningkatan produktiviti. Dengan ini sahajalah dapat kita meningkatkan daya persaingan dan menembusi pasaran-pasaran baru untuk eksport. Dalam jangkamasa pembekuan sementara dilaksanakan, Kerajaan akan berusaha menentukan supaya harga barang-barang perlu, termasuk makanan, tidak meningkat daripada paras semasa. Pada masa ini, kadar inflasi adalah rendah dan kita akan mengawalkan pada paras ini. Kalau boleh, kita akan berusaha mengurangkan harga serendah yang patut supaya pendapatan sebenar pekerja-pekerja tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumkan di dalam Ucapan Belanjawan, kejatuhan pendapatan eksport dan juga pendapatan negara akan mengurangkan hasil Kerajaan Persekutuan sebanyak \$2,000 juta. Oleh itu, Kerajaan terpaksa menetapkan keutamaan pelaksanaan projek dengan lebih berhati-hati supaya hanya projek yang "penting sahaja dilaksanakan di dalam keadaan ekonomi sekarang. Yang lebih penting, Kerajaan akan memastikan supaya peruntukan ini akan dibelanjakan untuk tujuan yang telah ditentukan dan benar-benar memberi faedah kepada rakyat.

Bagi tahun 1987 dan tahun-tahun berikutnya, Kerajaan akan menumpukan perhatian kepada projek-projek yang dapat meningkatkan taraf hidup penduduk di luar bandar. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1987 adalah berasaskan kriteria ini.

Mengenai peruntukan yang disediakan kepada Kementerian Pertahanan dan Polis Di Raja, Kementerian saya memang sedar tentang pentingnya keselamat

negara, tetapi oleh kerana keadaan kewangan negara pada masa ini tidak menggalakkan, langkah-langkah pengurangan perbelanjaan perlu dikenakan ke atas semua Kementerian. Walau bagaimanapun, peruntukan yang disyorkan bagi Kementerian Pertahanan dan Polis difikirkan mencukupi bagi menampung segala perbelanjaan asas yang betul-betul diperlukan. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan penghargaan kepada Anggota Tentera dan Polis. Kerajaan yakin mereka akan terus melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi, walaupun peruntukan telah dipotong.

Kerajaan memang scdar masih terdapat beberapa tempat di kawasan luar bandar, termasuk di Sabah dan Sarawak, yang memerlukan perhatian bagi mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan-jalan, bekalan air, elektrik dan lain-lain. Usaha pembangunan Kerajaan adalah terhad kepada kemampuan yang ada. Kerajaan tidak berupaya melaksanakan semua projek tersebut serentak atau sekaligus. Kepentingan dan keutamaan di bidang lain perlu juga diberikan keutamaan dan tumpuan. Dalam keadaan sedemikian, tambahan pula dengan kemelesetan ekonomi yang mengakibatkan hasil Kerajaan berkurangan, kemampuan kewangan Kerajaan semakin terhad. Oleh hal yang demikian, peruntukan yang dicadangkan sudah tentu tidak dapat memenuhi kesemua permintaan. Insya Allah, apabila keadaan bertambah baik, usaha-usaha pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar akan dipertingkatkan lagi.

Oleh sebab peruntukan terpaksa dikurangkan, setiap Kementerian perlulah menyemak semula rancangan pembangunan masing-masing, dengan memberi perhatian kepada cara-cara pelaksanaan projek-projek mereka dengan harga atau kos yang lebih

rendah. Saya percaya jika setiap Kementerian dapat kaji semula skop, rekabentuk dan, dengan izin, "standard" yang digunakan sekarang, kita boleh meneruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan, walaupun peruntukannya telah berkurangan. Apabila merangka sesuatu projek, janganlah menggunakan rekabentuk yang terlalu mewah dan membazir.

Ada Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya Kerajaan mengurangkan pertindihan fungsi di antara Jabatan, sebagai satu langkah mengurangkan perbelanjaan negara. Kerajaan memang sedar terdapat pertindihan fungsi di antara beberapa Jabatan Kerajaan. Oleh sebab itulah dalam Ucapan Belanjawan, saya telah mencadangkan supaya beberapa agensi yang mempunyai pertindihan fungsi digabungkan bagi meningkatkan kecekapan kerja dan menjimatkan kos pengurusan. Pertindihan fungsi ini adalah satu faktor yang menyebabkan saiz sektor awam menjadi besar. Kerajaan akan mengkaji semula peranaan dan tugas serta perjawatan institusi-institusi berkenaan supaya selaras dengan keadaan kewangan dan kemampuan Kerajaan.

Ketua Pembangkang telah membangkitkan mengenai kemungkinan proses penswastan perkhidmatan awam mewujudkan monopoli swasta dan ini seterusnya akan menjejaskan kepentingan awam. Saya ingin menegaskan bahawa dalam usaha Kerajaan menswastakan aktiviti sektor awam yang berbentuk komersial, Kerajaan akan menentukan bahawa kepentingan awam sentiasa terpelihara. Ini akan dibuat dengan mengenakan syarat-syarat ke atas syarikat-syarikat yang ditubuhkan bagi mengendalikan perkhidmatan yang berkenaan, di mana keputusan mengenai perkara-perkara tersebut, seperti perlantikan kakitangan penting dan penetapan harga barang atau

perkhidmatan hanya dapat dibuat setelah rundingan diadakan dengan Kerajaan terlebih dahulu. Oleh itu, monopoli swasta tidak semestinya akan menjejaskan kepentingan awam.

Mengenai pengawalan ke atas syarikat-syarikat Kerajaan atau perusahaan awam bukan kewangan, PABK, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan sedang mengawasi dengan lebih rapi prestasi dan kedudukan kewangan mereka melalui Unit Permodalan Nasional Berhad dan Perbendaharaan, serta melalui satu unit khas untuk mengawas dan menilai masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat dan agensi-agensi sektor awam. Saya yakin bahawa pengawasan yang lebih rapi oleh unit-unit ini akan dapat memperbaiki lagi kedudukan kewangan agensi-agensi tersebut.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu siasatan yang dijalankan oleh Kerajaan ke atas beberapa koperasi di negara ini. Saya ingin memaklumkan bahawa siasatan ini telah pun selesai dan satu Kertas Putih dijangka dibentangkan di Dewan ini pada minggu hadapan. Kertas Putih,

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan, kenapa Kertas Putih ini yang ada dijamin akan dibentangkan pada minggu lalu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mahu tunggu sampai minggu depan baru boleh siap? Kenapa sudah ada jaminan akan dibentangkan pada hari Khamis atau Jumaat minggu lalu dan 540,000 depositor-depositor menunggu hari demi hari, kenapa tidak boleh ditunaikan?

Tuan Daim Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita menghantarkan kepada Jabatan Percetakan. Kita minta dibuat dengan seberapa segera, tetapi memandangkan

memerlukan masa yang lebih sedikit, jadi akan disiapkan pada minggu hadapan. Dengan ini memberi peluang kepada Yang Berhormat masa.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan tentang perkara ini. Adakah Kerajaan atau Yang Berhormat Menteri Kewangan yang sekarang nampaknya bertanggungjawab dalam perkara ini akan memberi jaminan bahawa satu masa akan ditetapkan untuk satu perbahasan khas atas perkara ini—krisis cooperative finance scandal, satu perkara yang lebih besar daripada BMF skandal? (*Tepuk*)

Tuan Daim Zainuddin: Dalam Dewan yang mulia ini perkara ini dapat dibangkitkan bila-bila masa sahaja dalam perbahasan. Kertas Putih ini akan memberi gambaran yang menyeluruh mengenai kedudukan koperasi berkenaan kepada orang ramai. Di samping itu, Kertas Putih ini akan menggariskan langkah-langkah selanjutnya yang akan diambil oleh Kerajaan bagi membaiki keadaan sekarang. Kerajaan sentiasa berusaha untuk melindungi kepentingan rakyat dari segala bentuk penyelewengan dan penipuan. Ingin saya tegaskan bahawa Kerajaan akan terus mengawasi aktiviti dan perjalanan semua koperasi di negara ini dan tindakan sewajarnya akan diambil jika terdapat penyelewengan. Saya berharap usana Kerajaan mengemaskinikan koperasi-koperasi ini akan mengembalikan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap semangat kerjasama dan tolong menolong yang menjadi teras gerakan koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah memberi sokongan ke atas skim potongan gaji bulanan bagi membayar cukai pendapatan, tetapi ada juga yang berpendapat sistem yang baru ini akan menyulitkan orang Islam yang hendak membayar zakat. Di dalam hal ini, ingin saya jelaskan bahawa walaupun

skim ini diperkenalkan, pemberian kredit ke atas zakat masih diteruskan. Ini bermakna bahawa setiap pekerja Islam boleh menikmati kredit cukai ke atas bayaran zakat yang dibuat dan kredit ini akan diambil kira dalam menentukan potongan gaji bulanan yang akan dibuat. Ada juga Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya potongan gaji bagi tujuan membayar cukai pendapatan dibuat dalam masa 24 bulan atau 36 bulan selepas cukai dikenakan. Seperti yang saya umumkan dalam Belanjawan 1987, tujuan kita memperkenalkan skim potongan ini ialah untuk mengurangkan jumlah tunggakan cukai pendapatan. Cadangan Ahli Yang Berhormat tidak akan menyelesaikan masalah tunggakan, bahkan memburukkan, memandangkan cukai pendapatan dikenakan ke atas pendapatan bagi tiap-tiap tahun dan bukannya bagi tiap-tiap dua tahun atau tiga tahun.

Dalam Belanjawan 1987, saya telah menaikkan cukai jualan sebanyak 5% ke atas minuman keras dan rokok. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa kenaikan duti ini adalah tidak mencukupi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cukai ke atas minuman keras telah dinaikkan tiga kali sejak tahun 1982. Dalam tahun 1982, duti import telah dinaikkan antara 10% hingga 40%, manakala duti eksais telah dinaikkan sebanyak 60%. Dalam tahun 1985 pula, duti import telah dinaikkan sekali lagi sebanyak 15% dan buat pertama kali duti import dan eksais tambahan sebanyak 5% telah dikenakan atas minuman keras yang mempunyai kandungan alkohol yang tinggi. Berasaskan kepada semua kenaikan di atas, adalah didapati bahawa cukai atas minuman keras, misalnya sebotol bir besar yang dipasarkan dengan harga \$5.20, ialah \$1.95 ataupun 37.5%. Jika cukai dinaikkan lagi, ini mungkin menjejaskan industri pelancongan di negara ini.

Mengenai cukai atas rokok pula, sejak tahun 1982, cukai-cukai ke atasnya telah dinaikkan sebanyak 4 kali. Dalam tahun 1982, duti import dan duti eksais ke atas rokok telah dinaikkan masing-masing sebanyak 37.4% dan 106% dan dalam tahun 1983, duti import telah dinaikkan sekali lagi sebanyak 33.3%. Dalam tahun 1985, duti import ke atas rokok telah dinaikkan sebanyak 6.3%. Memandangkan kepada kenaikan-kenaikan tersebut, pada masa ini cukai atas satu kotak besar rokok yang dipasarkan dengan harga \$20 adalah sebanyak \$13.20 ataupun 60%.

Kebanyakan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga rakyat jelata menyambut baik Belanjawan tahun 1987 ini.

Di dalam keadaan ekonomi dunia yang masih lagi tidak menentu, perkembangan-perkembangan di pasaran antarabangsa belum menunjukkan tanda-tanda yang dapat memberi harapan bahawa harga barangan utama eksport negara akan bertambah baik. Kita masih bergantung kepada eksport barangan utama sebagai jentera penggerak ekonomi kita. Oleh itu, Kerajaan sedang berusaha untuk meningkatkan pengeluaran barang-barang perkilangan supaya eksport negara dapat dipelbagaikan. Ini akan mengambil masa, tetapi Kerajaan percaya dalam jangka panjang, usaha-usaha menyusun semula struktur ekonomi Malaysia yang telah dijalankan mulai awal tahun lapan puluhan, akan menunjukkan hasil dalam jangka masa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima.

Saya ingin menegaskan sekali lagi, bahawa tanggungjawab utama Kerajaan pada masa ini ialah untuk memulihkan ekonomi negara. Untuk menjayakan tanggungjawab ini, ianya mestilah dipikul bersama oleh semua pihak.

Ketika negara memerlukan segala usaha dan tenaga ke arah mengukuhkan kedudukan ekonomi, kita tidak seharusnya mengambil tindakan yang boleh mengancam dan menggagalkan usaha-usaha ini. Kita juga tidak patut menimbulkan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kesan negatif ke atas ekonomi negara. Sebarang tindakan yang tidak bertanggungjawab tanpa mengira kepentingan negara akan hanya menyulitkan lagi usaha-usaha kita untuk memulihkan ekonomi negara.

Dalam keadaan kita menghadapi kesulitan ini, sudah tentulah ianya memerlukan pengorbanan dari semua pihak. Walaupun pengorbanan yang dibuat mungkin kecil, tetapi jika semua sanggup bersama-sama membuat pengorbanan, ianya akan membantu pemulihan ekonomi.

Seperti yang telah saya nyatakan, negara mempunyai potensi untuk berkembang dengan pesat lagi di masa hadapan. Saya yakin, dengan adanya kesanggupan untuk berkorban dan bekerja dengan lebih keras lagi untuk meningkatkan produktiviti, kita akan berjaya mengatasi kesulitan ekonomi yang dihadapi sekarang dan seterusnya mewujudkan sebuah negara yang lebih makmur dan bersepadu, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Dalam Negeri. Cuba ringkaskan.

5.55ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan teguran

masing-masing ke atas dasar dan masalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Di antara perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai hal-hal keselamatan dan ketenteraman awam, berhubung dengan perkara-perkara pendatang haram, Jabatan Polis, Imigresen, Pendaftaran, kebebasan akhbar dan penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan dari perkara-perkara yang disentuh itu telah juga dibangkitkan dalam masa Soal Jawab dan telah dijawab. Bagaimanapun, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam ucapan perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Serian, Marudu, Kota Belud dan Kimanis telah membangkitkan masalah keselamatan di perairan dan pendalaman Sabah dan Sarawak. Kementerian saya sememangnya sedar bahawa penduduk-penduduk terutama di kampung-kampung yang jauh terpencil adalah terdedah kepada ancaman dan serangan penjenayah dan serangan lanun. Dalam mengawal keselamatan, pihak Kerajaan telah mengambil beberapa langkah di antaranya telah menempatkan Polis Hutan dan kapal-kapal merin di tempat-tempat yang terdedah kepada lanun untuk meronda di kawasan Pantai Timur Negeri Sabah. Sebuah kapal Tentera Laut Di Raja Malaysia ditugaskan membantu pthak Merin Polis. Di samping itu sebuah pesawat udara dari Polis Di Raja Malaysia juga sedang dan akan terus menjalankan rondaan di sepanjang pantai timur negeri Sabah. Kerajaan akan sentiasa mengambil langkah dari masa ke semasa bagi mengawal keselamatan bukan sahaja di Sabah dan Sarawak bahkan seluruh Malaysia selaras dengan kemampuannya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh keperluan Balai-balai Polis baru. Untuk makluman Yang Berhormat dari Tanjung Karang berhubung dengan pembinaan Balai Polis Tanjung Karang, tawaran telah dikeluarkan pada 13-10-86.

Mengenai penyewaan rumah kedai untuk dijadikan Balai Polis di Kepong adalah merupakan langkah sementara sahaja kerana bangunan Balai Polis yang baru adalah sedang dibina dan dijangka siap pada akhir tahun 1987.

Cadangan bagi membina bangunan baru Balai Polis dan Ibu Pejabat Daerah Polis Kuala Selangor telah pun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Bagi Balai-balai Polis yang di dalam keadaan uzur di negeri Sabah termasuklah di Pulau Banggi dan Marudu, Jabatan Polis akan memperbaiki Balai-balai Polis yang uzur peringkat demi peringkat mengikut peruntukan yang disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa semasa menyentuh tentang peristiwa Memali telah membangkitkan mengenai barang-barang yang dirampas. Untuk makluman Yang Berhormat, semua barang-barang yang berkaitan untuk siasatan yang diambil oleh pihak Polis di kawasan rumah Ibrahim Libya memang dicatat dan dibuat laporan Polis. Sebahagian darinya iaitu senjata-senjata telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa manakala barang-barang lain telah pun dikembalikan kepada tuan empunya masing-masing.

Berhubung dengan barang-barang kepunyaan Allahyarham Ibrahim Libya yang telah diambil oleh pihak Polis seperti wang dan kitab-kitabnya, sukalah saya memaklumkan bahawa barang-barang tersebut masih lagi disimpan dengan selamat oleh pihak

Polis kerana isteri Allahyarham Ibrahim Libya enggan menerima barang-barang itu kembali.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga telah menyentuh tentang cara anggota Polis kita menggunakan senjata. Untuk makluman Yang Berhormat, anggota Polis tidaklah boleh menggunakan senjata dengan sewenang-wenangnya. Hukuman Tetap Ketua Polis Negara menggariskan dengan jelas keadaan-keadaan tertentu di mana anggota Polis boleh menggunakan senjata mereka. Kerajaan memandang berat mana-mana anggota Polis yang menyalahgunakan senjata dan tindakan sewajarnya akan diambil mengikut peraturan yang ada.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud telah menyentuh masalah tunjuk perasaan di Sabah baru-baru ini, telah menuduh Kerajaan tidak mengambil tindakan dengan cepat dan pendapatnya ini telah menjejaskan keyakinan rakyat kepada Kerajaan. Saya suka memaklumkan bahawa pihak Kerajaan mengikut peristiwa di Sabah itu setiap masa dengan teliti dan membuat persiapan tertentu untuk menghadapi masalah yang berlaku. Tindakan yang diambil adalah berdasarkan perkembangan dan penilaian berasaskan kepada laporan Polis. Tindakan yang melulu akan memburukkan lagi keadaan. Sebarang tindakan yang diambil hendaklah tepat dengan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah telah menyentuh mengenai demonstrasi damai penduduk Lembah Kinta. Beliau mempertikaikan tindakan Polis memberi amaran kepada perhimpunan itu atas alasan demonstrasi adalah demonstrasi damai. Sukalah saya menegaskan bahawa demonstrasi tersebut adalah menyalahi undang-undang kerana ia dilakukan tanpa

kebenaran (permit) Polis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, pihak Polis boleh mengambil tindakan undang-undang di bawah seksyen 27 (5) Akta Polis 1967 terhadap mereka yang mengadakan perhimpunan haram. Amaran yang dikeluarkan oleh pihak Polis kepada mereka yang mengadakan perhimpunan haram di Lembah Kinta itu adalah mengikut undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Maran telah mengesyorkan supaya Akta Dadah Berbahaya dipinda dengan tujuan untuk mengimbangkan hukuman setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengkaji undang-undang berkaitan dengan dadah dari masa ke semasa. Pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji Akta Dadah Berbahaya, 1952 yang melibatkan beberapa pindaan. Kerajaan juga sedang giat mengkaji peruntukan undang-undang bagi merampas harta pengedar-pengedar dadah. Berkaitan dengan kawalan ke atas pengedar dadah dan penyalahgunaan dadah sememangnya kawalan sentiasa diperhebatkan dan serbuan-serbuan akan terus dibuat dari masa ke semasa di mana-mana sahaja sekiranya dikesan atau ada maklumat mengenainya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai ada mencadangkan supaya bantuan kebajikan kepada Orang-orang Asli dipertimbangkan oleh Kerajaan. Sebenarnya Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang berat kepada kemajuan Orang-orang Asli di Malaysia. Bagi tujuan ini program-program pembangunan ekonomi, perkhidmatan sosial seperti pelajaran dan kesihatan juga diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanis telah menyentuh tentang peruntukan 1987 bagi Jabatan Polis Di-Raja Malaysia.

Pada keseluruhannya peruntukan yang dicadangkan adalah bertambah dari \$1,197,091,700 bagi tahun 1986 kepada \$1,199,433,350 untuk tahun 1987 iaitu pertambahan sebanyak \$2,341,650 atau 0.195%. Walau bagaimanapun jumlah yang dicadangkan untuk Perbelanjaan Mengurus adalah berkurangan sebanyak \$6,398,400 atau 0.66% dari peruntukan tahun 1986. Namun demikian, kekurangan tersebut tidak akan menjejaskan prestasi dan kemampuan Polis Di-Raja Malaysia. Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada sektor keselamatan dan peruntukan yang dicadangkan itu adalah mencukupi untuk Polis Di-Raja Malaysia bergerak dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan menuduh Akta tersebut menyekat perkembangan persuratkhabaran kerana keperluan mendapat permit merupakan satu ugutan. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat bahawa Kerajaan mengamalkan sikap liberal ke atas persuratkhabaran. Sikap liberal itu terbukti dari bahan-bahan yang tersiar dalam akhbar-akhbar dalam negeri. Bahan-bahan itu termasuklah kecaman yang kesat terhadap Kerajaan. Kebanyakan daripada bahan-bahan itu adalah laporan mengenai pandangan dan pendapat pihak Pembangkang dan individu-individu tertentu yang sentiasa mempertikaikan apa sahaja yang dibuat oleh Kerajaan. Kerajaan hanya mengambil tindakan terhadap mana-mana akhbar jika akhbar itu menyiarkan laporan-laporan yang boleh memudaratkan keselamatan dan ketenteraman awam dan moral. Setakat ini bagi tahun 1986 hanya 2 penerbitan telah digantung penerbitannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Serian, Yang

Berhormat dari Tanjong Aru dan Yang Berhormat dari Tawau telah mencadangkan dan menyeru Kerajaan supaya perhatian khusus diberi untuk mengawal kemasukan. . . .

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Minta penjelasan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat ini, berapa kali pihak Kerajaan telah memberi amaran kepada suratkhbar dan berapakah suratkhbar yang telah diberi amaran supaya mematuhi peraturan KDN ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, selama saya menduduki Kementerian Dalam Negeri belum pernah sekalipun manamana suratkhbar dipanggil untuk diberi amaran.

Yang Berhormat dari Serian, Yang Berhormat dari Tanjong Aru. . . .

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun. Adakah beri jalan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sila.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Tidakkah bahawa permohonan dari ALIRAN untuk mencetak a monthly publication, dengan izin, dalam Bahasa Malaysia tidak dibenarkan atau tidak diluluskan. Kalau benar, kenapa ia tidak diluluskan? Ini sahaja iaitu KDN kepada ALIRAN

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk

pengetahuan Ahli Yang Berhormat bahawa saya belum lagi pernah menerima permohonan daripada ALIRAN. Kalaupun ada penolakan dibuat pada masa-masa yang lepas tetapi rayuan belum dibuat kepada saya.

Ahli Yang Berhormat dari Serian, Yang Berhormat dari Tanjong Aru dan Yang Berhormat dari Tawau telah mencadangkan dan menyeru Kerajaan supaya perhatian khusus diberi untuk mengawal kemasukan warganegara asing secara haram serta mengusir mereka.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sila.

Tuan Lim Guan Eng: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa dia belum menerima apa-apa rayuan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kalau ALIRAN membuat rayuan kepada Kementeriannya, adakah Kementeriannya akan menerima rayuan tersebut, dan apakah alasan atau sebab permintaannya itu ditolak?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah jawab itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab, Tuan Yang di-Pertua kata tidak usaha jawab,

Kementerian saya memang memandang serius dan sentiasa mengambil tindakan yang tegas serta berkesan dalam usaha mencegah dan mengusir kemasukan pendatang-pendatang haram ke negara ini tanpa mengira negara asal mereka. Rondaan dan kawalan di kawasan sempadan

akan terus dipergiatkan lagi. Mengenai cadangan pembinaan Kompleks Imigeresen di Tebedu oleh Ahli Yang Berhormat dari Serian, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan memang bercadang dan merancang untuk mengadakan Kompleks Pemeriksaan Imigeresen di tempat berkenaan bagi menggantikan Pos Imigeresen yang ada sekarang.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Serian itu atas syornya mengenai integrasi nasional. Dalam usaha mencapai integrasi nasional, Kerajaan telah mengambil langkah dengan memudahkan perjalanan antara rakyat dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya. Kerajaan negeri Sarawak telah memberi kelonggaran di mana warganegara Malaysia dari Semenanjung dan Sabah boleh masuk ke Sarawak tanpa menggunakan pasport. Mereka hanya perlu mengemukakan kad pengenalan biru dan mengisi borang-borang yang berkenaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor pula telah membangkitkan tentang sistem pemeriksaan oleh Jabatan Imigeresen sebagai menimbulkan masalah kepada pelawat-pelawat asing ke negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya memaklumkan bahawa pihak Jabatan Imigeresen sedang berusaha sedaya upaya untuk mempercepatkan lagi masa pemeriksaan pasport di pintu-pintu masuk ke negara ini.

Yang Berhormat dai Ulu Selangor juga membangkitkan tentang apa yang dikatakannya kesulitan untuk mendapatkan pas lawatan berniaga. Sukalah saya tegaskan bahawa kesulitan yang disebutkan itu adalah tidak benar kerana pas lawatan berniaga boleh diberikan kepada mereka yang ingin datang di atas alasan-alasan berniaga.

Ahli Yang Berhormat dari Tebrau telah menegur mengenai pengawasan industri video di negara ini. Pihak Kerajaan menyedari masalah-masalah yang dihadapi dan sentiasa mengawasi perkembangan industri tersebut. Menyentuh mengenai cadangan Yang Berhormat supaya mengkaji sistem pengeluaran Sijil B, sukalah saya memaklumkan bahawa pihak Kerajaan sedang menyemak semula peraturan-peraturan Akta Filem (Penapisan 1952) khususnya mengenai sistem pengeluaran Sijil B.

Pemeriksaan-pemeriksaan yang dilakukan ke atas pusat-pusat video oleh pihak berkuasa adalah menunjukkan kesungguhan pihak Kerajaan menguatkuasakan undang-undang bagi memastikan pita-pita video yang diedarkan di negara ini hendaklah ditapis terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tawau telah menyentuh masalah kegiatan memalsukan kad pengenalan biru. Sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan baru-baru ini telah mengesan kegiatan tersebut dan sedang membuat penyiasatan teliti. Tindakan sewajarnya akan diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu meminta supaya perkhidmatan Jabatan Pendaftaran dipergiatkan lagi ke kawasan luar bandar di negeri Sarawak. Saya ingin mengulangi penjelasan saya mengenai perkara ini. Jabatan Pendaftaran Negara di Sarawak telah mengambil beberapa langkah untuk mempertingkat dan mempergiatkan lagi perkhidmatannya khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dan pendalaman di negeri Sarawak untuk memberi perkhidmatan pendaftaran kepada penduduk-penduduk di tempat-tempat tersebut. Langkah-langkah itu termasuklah penempatan kakitangan-kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri

Sarawak di Pejabat-pejabat Daerah dan di daerah-daerah kecil. Di samping itu lawatan-lawatan ke kawasan-kawasan luar bandar dan pendalaman untuk memberikan perkhidmatan pendaftaran kepada penduduk-penduduk di tempat-tempat itu juga diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan teguran masing-masing mengenai pelbagai isu di bawah bidangkuasa Kementerian Dalam Negeri. Saya telah cuba untuk memberikan penjelasan-penjelasan saya ke atas beberapa pandangan dan teguran tersebut. Bagi pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang tidak sempat dijawab di Dewan ini, saya memberi jaminan bahawa ianya akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya.

Timbalan Yang di-Pertua (D. P. Vijandran): Kementerian Luar Negeri. Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat habiskan dalam tempoh 15 minit?

6.20 *ptg.*

Dato' Rais Yatim: Boleh. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah memberi peluang kepada saya untuk membuat jawapan balas mengenai perkara-perkara yang berkait dengan Kementerian Luar Negeri yang disentuh oleh Ahli-ahli Dewan ketika perbahasan di atas Rang Undang-undang Perbekalan 1987. Sekaligus saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran serta memberi pandangan mereka mengenai Kementerian Luar Negeri, dasar luar negeri kita dan isu-isu penting antarabangsa.

Terlebih dahulu saya sukacita menyentuh teguran-teguran yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, Parit dan Jempol yang mana telah menyentuh mengenai saiz dan peranan perwakilan Malaysia di luar negeri. Dalam perkara ini, saya ingin memaklumkan bahawa proses pengkajian secara keseluruhan mengenai fungsi dan matlamat Kementerian Luar Negeri dan seterusnya perwakilan-perwakilan kita di luar negeri adalah sentiasa dilakukan bagi menjamin mutu perkhidmatan yang sering meningkat dan menentukan pelaksanaan tugas yang selaras dengan keutamaan dasar negara kita.

Kita juga cuba menentukan bahawa kakitangan Kementerian ini yang berada di luar negeri cukup untuk melaksanakan tugas dengan berkesan kerana sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, perwakilan kita di luar negeri adalah secara tidak langsung mewakili semua Kementerian dan agensi Kt-rajaan kita di dalam rangkuman bidang tugas yang dilaksanakan. Dalam konteks ini suatu arahan kepada semua Duta Malaysia di seberang laut telah pun disediakan yang menyentuh tentang senarai tugas untuk mereka laksanakan bagi satu-satu masa atau satu-satu tempoh. Mereka telah diarahkan supaya meninggikan imej Malaysia dalam apa juga pelaksanaan dasar. Mereka diberi keutamaan menjalankan tugas untuk memerangi dadah dan bertukar-tukar fikiran berhubung dengan masalah yang bersabit dengan ekonomi, perdagangan serta penglibatan Malaysia dalam badan-badan antarabangsa seperti Komanwel, badan-badan yang berkaitan dengan Bangsa-bangsa Bersatu, ASEAN dan sebagainya. Kedudukan Malaysia di seberang laut adalah di tangan mereka. Ini saya akui. Dengan yang demikian, mereka juga adalah diperlukan untuk menghayati semua dasar-dasar

Kerajaan yang boleh membantu menerangkan kepada pihak-pihak yang memerlukan penerangan di seberang laut.

Suatu konsep yang bernama Sahabat Malaysia telah dibentuk supaya para Duta kita dan pegawai-pegawai Kedutaan mendapatkan seramai dan sebanyak mungkin sahabat Malaysia di seberang laut bagi membantu kita menyemaikan semangat cintakan Malaysia di kalangan negara-negara sahabat dan dengan itu mengurangkan kritik-kritik yang tajam yang tidak berasas terhadap negara kita. Para Duta juga akan diadakan beberapa kursus orientasi di beberapa bidang dan meliputi beberapa buah negara. Mereka yang didapati sebagai pemimpin-pemimpin yang berkaliiber di seberang laut akan dikekalkan tetapi mereka yang tidak menunjukkan sebarang prestasi yang menggalakkan, kedudukan mereka akan dikaji semula.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah perwakilan Malaysia di luar negeri pada masa ini adalah lebih kurang 50 iaitu perwakilan-perwakilan yang utama. Memang ada beberapa perwakilan yang mana saiznya agak besar. Ini disebabkan oleh penempatan wakil-wakil agensi-agensi Kerajaan kita yang lain di perwakilan tersebut seperti perdagangan dan berkaitan juga dengan pelajaran. Kepakaran dan kemahiran mereka ini sememangnya digunakan oleh perwakilan kita. Namun begitu, ingin saya menekankan bahawa bagi perwakilan yang tidak ada pegawai-pegawai lain tugas-tugas tersebut dijalankan sendiri oleh pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar menyentuh mengenai peranan Kementerian Luar Negeri dan perwakilan-perwakilan Malaysia di seberang laut dalam melaksanakan

dasar ekonomi. Suka saya memaklumkan bahawa Kementerian ini dan perwakilan-perwakilannya memberi penumpuan penting dalam perkara-perkara ekonomi dan tidak hanya menumpukan kepada bidang politik semata-mata. Bahkan seperti yang saya senaraikan tugas-tugas mereka sebentar tadi, ini adalah penegasan, walaupun perkara ini berada di dalam pengetahuan mereka. Kementerian Luar Negeri akan sentiasa menilai prestasi para Duta dan pegawai-pegawai kita dan saya akan cuba sedaya upaya untuk mencerminkan bahawa semua ini adalah demi kepentingan negara kita perjuangan di arena antarabangsa.

Sejajar dengan ini, Jawatankuasa Ekonomi telah ditubuhkan di setiap perwakilan dengan diketuai oleh ketua perwakilan Malaysia. Tindakan-tindakan lanjut telah diambil oleh Kementerian ini dengan Kementerian-kementerian lain yang berkenaan dalam berbagai-bagai bidang seperti pemasaran kelapa sawit dan barang-barang perkilangan Malaysia serta mengkaji pemasaran bagi memperluaskan penjualan kereta nasional. Usaha-usaha yang gigih telah dilaksanakan dalam menarik pelabur-pelabur asing ke Malaysia dengan pelaburan mereka. Saya berpuas hati dengan peranan yang telah dimainkan oleh Kementerian ini dalam lapangan tersebut dan rakan seperjuangan iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah sentiasa memberi kerjasama yang sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dan ingin menegaskan bahawa sokongan Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin dan Mujahiddin Afghanistan adalah bukan setakat menyokong penyelesaian sahaja. Ianya adalah merupakan masalah pokok yang melibatkan hak kebebasan dan kedaulatan kedua-dua rakyat

berkenaan. Sokongan kita terhadap perjuangan mereka adalah tegas dan ini dapat dibuktikan dengan peranan Malaysia di pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini maklum, oleh sebab dasar inilah, Malaysia telah dipilih menjadi anggota Jawatankuasa Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Masalah Palestin dan dalam tahun 1983 Malaysia juga telah menjadi tuan rumah kepada Persidangan Antarabangsa Mengenai Masalah Palestin. Sokongan dan peranan Malaysia ini dapat membuktikan bahawa perjuangan kita ke arah mendapatkan sokongan daripada negara-negara sahabat yang sehaluan terus-menerus memberi kesan.

Malaysia juga telah melaksanakan dasar yang sama terhadap perjuangan Mujahidin Afghanistan dan dalam rangka inilah Mujahidin Afghanistan telah menubuhkan pejabat penerangannya di Kuala Lumpur.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga telah menyuarakan kebimbangan beliau bahawa kerjasama Selatan-Selatan akan memupukkan fahaman sosialis. Di sini saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa Kerajaan Malaysia sentiasa sedar tentang perlumbaan memupuk pengaruh di antara kuasa-kuasa besar. Hakikat ini juga disedari oleh kebanyakan negara membangun yang mana telah turut sama berwaspada daripada dipengaruhi sepenuhnya oleh mana-mana blok kuasa. Kerjasama Selatan-Selatan ini adalah merupakan suatu usaha di kalangan negara membangun sendiri untuk mempertingkatkan serta meluaskan kerjasama ekonomi di kalangan mereka. Usaha sebegini adalah merupakan satu perkembangan yang membina yang mana Malaysia

sentiasa memberi sokongan dan memainkan peranan yang aktif dan bermakna.

Bagi membantu dan mempergiatkan tagi kerjasama di kalangan negara membangun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil daya usaha untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas Selatan. Usaha Perdana Menteri ini telah dialu-alukan oleh negara membangun dan telah mendapat pengiktirafan Persidangan Kemuncak Negara-negara Berkecuali yang bersidang di negara Zimbabwe bulan September yang lalu.

Menyentuh mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan memang sedar tentang adanya anasir-anasir luar yang menghasut dan berusaha mencemar nama baik negara kita. Saya difahamkan bahawa ini juga berlaku terhadap negara-negara lain, baik negara Dunia Ketiga mahupun negara yang maju. Walau bagaimanapun dalam menghadapi gejala-gejala sedemikian, pihak Kerajaan sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah perlu bagi mengatasinya. Ini termasuk usaha-usaha memberi gambaran sebenar mengenai negara kita oleh kakitangan kedutaan di seberang laut menerusi pengamalan dasar luar yang aktif dan dinamis. Menerusi konsep sahabat Malaysia tadi kita akan cuba sedaya-upaya bermesra dengan pihak-pihak yang ingin membantu Malaysia dan bilangan ini akan kita senaraikan sebagai senarai yang penting dalam perjuangan kita menerima persahabatan timbal-balas.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menyentuh mengenai lawatan Presiden Israel ke Singapura. Di sini saya ingin menekankan bahawa pendirian Malaysia terhadap Israel adalah tegas dan kita melalui berbagai forum antarabangsa sentiasa mengutuk

kezaliman dan keganasan Israel terhadap rakyat Palestin serta negara-negara Arab di samping keengganannya untuk mendirikan sebuah negara berasingan untuk rakyat Palestin. Dalam hal ini Kerajaan Singapura memang sedia maklum pendirian Malaysia serta sensitiviti umat Islam di Malaysia terhadap Israel. Sungguhpun lawatan Presiden Israel ke Singapura merupakan satu isu yang emotional, dengan izin, bagi orang-orang Islam di Malaysia, tetapi seperti yang dijelaskan oleh Perdana Menteri perkara ini adalah hal ehwal dalam negeri Singapura sendiri.

Saya berpendapat bahawa cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat supaya kita memanggil balik Duta serta kakitangan Suruhanjaya kita di Singapura pada hari lawatan itu sebagai tidak wajar walaupun rakyat kita melahirkan rasa kecewa yang amat mendalam di atas kehadiran Presiden Israel di negara jiran kita itu. Sekiranya kita bertindak sebagaimana yang dicadangkan itu, maka ini akan menimbulkan beberapa implikasi diptomatik yang pada peringkat ini tidak perlu diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini walaupun adalah serius.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Dato' Rais Yatim: ianya merupakan suatu yang perlu dipertimbangkan bersama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Rais Yatim: Ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Untuk mendapat penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, bagaimanakan kalau ada cadangan Duta kita di Singapura dan kakitangan mahu pulang secara sukarela di waktu hari lawatan tersebut?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai Kedutaan kita di Singapura memang sering kita panggil pulang untuk berunding dan untuk mendapat perkembangan terakhir. Sekiranya mereka pulang pada hari yang berkenaan dalam lawatan mereka untuk berunding dengan pegawai-pegawai tinggi atau Menteri mereka, maka itulah salah satu daripada yang boleh dianggap normal.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah perkara yang sesungguhnya berada di dalam pertimbangan kita dan percayalah bahawa Kementerian Luar Negeri akan bertindak sebaik mungkin supaya bak kata orang-orang Melayu, Tepung tidak tersebar, tetapi rambut dapat dihelaikan. Dengan kata-kata itu, saya mengucapkan terima kasih kepada sekalian Ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

6.27 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul AJib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan atas Dasar-dasar Am Belanjawan dan seterusnya memberi pandangan, teguran dan syor-sybr terhadap beberapa perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Di dalam perbincangan atas Dasar-dasar Am Belanjawan seperti juga dalam perbincangan atas Titah Di-Raja, Ahli-ahli Yang Berhormat dibolehkan menyentuh segala dasar-dasar Kerajaan. Pendek kata perbincangan di dalam kedua-dua Persidangan ini adalah terbuka. Nampaknya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menggunakan kesempatan ini terutama sekali bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap di Dewan yang mulia ini buat pertama kalinya.

Di dalam tempoh perbincangan yang telah berlalu terdapat juga beberapa kejadian yang sungguh menggamatkan Dewan yang memaksa Tuan Yang di-Pertua yang mempengerusikan Persidangan untuk mengambil beberapa tindakan yang tegas.

Saya suka mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua serta Timbalan-timbalannya yang telah dapat memandu perjalanan Dewan dengan teratur sungguhpun terdapat beberapa kejadian yang boleh mengganggu perjalanannya.

Pada pendapat saya apa yang penting ialah kebebasan diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah

dipilih oleh rakyat untuk mewakili mereka dengan cara yang berkesan di dalam Dewan yang mulia ini. Sebagai penegak institusi demokrasi di dalam negara kita ini kita bertanggungjawab kepada masyarakat untuk mempertahankannya. Tidak mungkin kita akan sealiran pendapat pada setiap waktu tetapi biarlah percanggahan pendapat kita itu berasaskan kepada prinsip yang kukuh dan bukan atas sebab emosi, syak wasangka dan cemburu di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain.

Dalam tempoh perbincangan selama sembilan hari itu, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh berbagai-bagai perkara yang perlu saya beri jawapan. Antaranya ialah berkaitan dengan Perkhidmatan Awam.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat, sila duduk! Yang Berhormat boleh sambung pada hari Isnin.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30petang.